

MEDIA WARGA KOTA Wilayah Ku

● BIL 130 ● 27 OGOS - 2 SEPTEMBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH PRIHOTIN

RINDU KAWAN? KEMBALI NORMAL BERMULA DENGAN ANDA

Lindung Diri,
Lindung Semua

MALAYSIA
Menang Bersama
#WPMERDEKA



OKU terharu terima bantuan Bakul Makanan daripada RumahPrihatin@GrandSeasons

Dua tahun tidak bekerja akibat COVID-19

AZLAN ZAMBRY

ALHAMDULILLAH... Saya sangat bersyukur atas sumbangan ini kerana ramai lagi yang lebih susah daripada saya," itulah warga emas, **Mohamad Nor**, 67, yang juga orang kelainan upaya (OKU) penglihatan selepas menerima sumbangan bantuan Bakul Makanan daripada RumahPrihatin@GrandSeasons.

Mohamad yang menetap di Perumahan Awam (PA) Seri Pulau Pinang mengakui terharu dengan sumbangan daripada Rumah Prihatin kerana sudah dua tahun tidak dapat bekerja seperti biasa.

"Sebelum ini, saya berikhtiar dengan menjaja tisu dari meja ke meja bagi memperoleh pendapatan yang cukup untuk menampung kehidupan bersama keluarga.

"Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan tahun lalu, pak cik sudah tidak dapat bekerja dan hanya bergantung kepada ban-

tuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Baitulmal.

"Melalui sumbangan hari ini, saya amat bersyukur kerana ramai lagi yang terhimpit dan sukar untuk meneruskan kehidupan sepanjang tempoh penularan COVID-19 ini," katanya kepada Wilayahku pada Ahad.

Mohamad berkata, dia turut bersyukur dengan keprihatinan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Rumah Prihatin yang tidak melupakan golongan se-nasib dengannya.

"Saya gembira kerana kita dikurniakan pemimpin yang ingat kepada rakyat terutamanya golongan cacat penglihatan seperti saya, agar tidak tersisih," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif RumahPrihatin@GrandSeasons, Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah berkata, program ini merupakan siri ketiga dianjurkan bersama Rumah Prihatin yang diasaskan oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan,



MOHAMAD



MOHD IRWAN menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima sumbangan bantuan Bakul Makanan sambil disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zaizalnizam Zainun (tengah).

Tan Sri TPr Annuar Musa dengan kerjasama YWP.

"Kita memberikan bantuan dengan niat untuk mengurangkan bebanan yang ditanggung golongan ini. Jadi kita

mereka sebaliknya, akan diberi perhatian secara khusus oleh kerajaan dan kita ingin menjemput semua warga kota, pihak korporat dan mana-mana individu yang berkemampuan untuk tampil membantu mereka," katanya.

Ujar Irwan, semangat yang ditunjukkan golongan OKU penglihatan ini yang mahu hidup bebas seperti orang lain amat terpuji dan kerajaan harus membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih baik.

"Sempena Hari Kemerdekaan, mereka berazam mahu hidup bebas dan merdeka seperti rakyat Malaysia yang lain, jadi disebabkan itu kita harus bersama-sama bersatu untuk membantu golongan ini kerana mereka mempunyai semangat untuk meneruskan kehidupan meskipun berhadapan cabaran ketika pandemik ini.

"YWP juga akan memastikan golongan ini akan dibantu sewajarnya kerana mereka sememangnya layak untuk bantuan-bantuan kerajaan dan YWP turut akan menjadi pemudahcara terhadap apa jua keperluan mereka," katanya. **WK**

Rumah Prihatin santuni *frontliner* di lima hospital swasta Kuala Lumpur

HAZIRAH HALIM

SESENJAK wabak COVID-19 melanda negara pada tahun lalu, petugas barisan hadapan (*frontliner*) diangkat sebagai wira yang menyumbang tenaga dan masa bagi mengekang penularannya.

Justeru, sempena bulan kemerdekaan dan bagi menghargai jasa *frontliner*, RumahPrihatin@GrandSeasons menghulurkan sumbangan makan tengahari secara percuma ke lima hospital swasta di sekitar Kuala Lumpur.

Difahamkan, sebanyak 500 pek makanan tengahari diagihi untuk petugas terlibat di Hospital KPJ Tawakkal, Hospital KPJ Sentosa, Hospital Pusrawi, Columbia Asia Hospital Setapak dan Institut Jantung Negara.

Menurut kenyataan RumahPrihatin@GrandSeasons, penghasilan makanan tengahari menerusi inisiatif Dapur Prihatin itu turut mendapat kerjasama daripada sukarelawan dan chef Restoran Mee Tarik.

"Uniknya juadah kali ini, Nasi Ayam Kung Pao yang disediakan adalah hasil kerjasama pasukan Dapur Prihatin yang dianggotai Chef dari Hotel Pulse Grande bersama-sama Chef Restoran Mohd Chan yang kebanyakannya terdiri dari warga Cina sendiri," katanya.

Sementara itu, katanya, bagi mematuhi prosedur operasi standar (SOP) dan penjarakan fizikal



SEBAHAGIAN *frontliner* hadir menerima sumbangan makanan tengahari yang disediakan RumahPrihatin@GrandSeasons sempena sambutan kemerdekaan pada Rabu.

antara sukarelawan, sumbangan tersebut dibawa menggunakan sebuah van dan lapan kereta ke lokasi yang disenaraikan.

"Pelepasan disempurnakan bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa di Rumah Prihatin.

"Sumbangan ini adalah tanda penghargaan serta sokongan daripada kami kepada petugas barisan hadapan di seluruh negara," kata kenyataan itu.

Mengulas lanjut mengenainya, kenyataan tersebut turut memak-



lumkan, pihaknya memahami tugas serta pengorbanan petugas barisan hadapan yang berusaha sebaik mungkin untuk meratakan lengkungan wabak COVID-19 di negara ini.

Tambahnya, semoga perkongsian kecil daripada Rumah Prihatin dapat mengurangkan lelah, meredakan resah serta mengukir senyuman di wajah perwira barisan hadapan.

Terdahulu, sumbangan makan tengahari ini disampaikan Pengarah, Pengurus dan *Liaison Officer* Rumah Prihatin di setiap lima lokasi. **WK**

Ekonomi Malaysia terus hadapi cabaran getir

INDEKS Pelopor (IP) menunjukkan prospek ekonomi Malaysia jangka pendek terus menghadapi cabaran susulan penurunan dalam semua komponennya terutama, Bilangan Unit Kediaman yang diluluskan pembinaan.

Berkata mengenainya, Ketua Perangkawan, **Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin** memaklumkan, walaupun pada Jun lalu, IP mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.5 peratus iaitu daripada 105.1 mata kepada 105.6 mata, namun ia menunjukkan penurunan 2.8 peratus pada bulan berikutnya.

"Melihat kepada hala tuju yang digambarkan oleh penurunan kadar pertumbuhan IP terlicin walaupun kekal di atas trend, IP menunjukkan bahawa prospek ekonomi Malaysia jangka pendek terus menghadapi cabaran.

"Ini sejajar dengan ramalan agensi antarabangsa dan nasional yang menjangkakan prospek ekonomi yang perlakuan bagi Malaysia pada 2021," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Walaubagaimanapun, Mohd Uzir memberitahu, kesan positif daripada pelbagai inisiatif kerajaan untuk menyokong kelangsungan perniagaan seiring dengan kemajuan dalam kadar vaksinasi COVID-19 dapat merangsang keyakinan perniagaan dan seterusnya menyokong pemulihran ekonomi.

Jelas beliau, Indeks Serentak (IS) juga mengkalkan momentum pertumbuhan tahunan yang positif bagi tiga bulan lalu, namun mencatatkan negatif 3 peratus pada Jun 2021 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Ujarnya, prestasi IS yang mencerminkan aktiviti ekonomi semasa, terus merosot kepada negatif 6.3 peratus bagi Jun dan Julai berbanding penurunan sebanyak 1.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya, disebabkan penurunan ketara dalam Kapasiti Penggunaan di sektor pembuatan. **WK**



MOHD UZIR

Sasar lebih 3,000 keluarga di sekitar Wilayah Persekutuan

Jejak Prihatin 2.0 terus bantu masyarakat

HAZIRAH HALIM

BERIKUTAN kejayaan program Jejak Prihatin yang bermula Julai lalu, pengajurnya RumahPrihatin@GrandSeasons akan meneruskan usaha ini bagi membantu keluarga miskin atau individu terkesan pandemik COVID-19.

Menerusi program ini, mereka menerima sumbangan atau ‘buah tangan’ berupa makanan asas harian daripada bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Dalam Jejak Prihatin 2.0 yang akan bermula 25 Ogos ini, sebanyak 3,086 buah keluarga di seluruh Wilayah Persekutuan akan menerima manfaat.

Berbanding sebelum ini, sebanyak 3,853 keluarga menerima ‘buah tangan’ dalam tempoh sebelum program dijalankan.

Menurut Pengarah program

Jejak Prihatin, **Mohd Herman Misbah**, Jejak Prihatin 2.0 diteruskan kerana terdapat keluarga yang masih memerlukan barang makanan harian.

“Alhamdulillah, sepanjang Jejak Prihatin dijalankan, sudah banyak keluarga miskin atau kehilangan punca pendapatan dibantu.

“Ini sedikit sebanyak boleh meringankan beban untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan yang sukar sekarang.

Disebabkan itu, kami akan terus berkhidmat kepada masyarakat dengan meneruskan Jejak Prihatin 2.0,” jelas Herman yang teruja untuk memulakan program ini.

Herman berkata, kejayaan program tersebut telah menarik minat lebih banyak pihak lain untuk tampil bekerjasama.

“Apa yang lebih menarik,



SUMBANGAN akan terus disalurkan kepada golongan memerlukan menerusi Jejak Prihatin 2.0.

kali ini sebanyak 34 NGO (per-tubuhan bukan kerajaan) sudah bersetuju untuk bekerjasama

dengan kami, berbanding hanya empat NGO sebelum ini.

“Kami pun tidak sangka sambu-

tan terhadap program ini begitu menggalakkan. Semoga dengan kerjasama ini, Jejak Prihatin 2.0 akan terus memberikan yang terbaik buat warga wilayah yang terjejas akibat COVID-19,” ujarnya lagi.

Antara NGO yang terlibat dalam Jejak Prihatin sebelum ini adalah Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo), Majlis Belia Wilayah Persekutuan, Absolute Malaysia dan Youth4WP.

Sedikit info tentang Jejak Prihatin, program ini digerakkan oleh PriVo dan NGO yang akan turun padang, menjelajah dan menyantuni rakyat di seluruh Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Mereka akan mengumpul mak-lumat aduan dan menyampaikan ‘buah tangan’ daripada bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa kepada golongan yang memerlukan berdasarkan data yang diterima. WK

Misi bencana alam : Dua beradik timba pengalaman berharga

HAZIRAH HALIM

TRAGEDI tanah runtuh, kepala air dan banjir lumpur yang memakan korban kira-kira enam nyawa di Jerai dan Merbok, Kedah, 18 ogos lalu sememangnya mengejutkan seluruh negara.

Dalam kejadian yang berlaku kira-kira 4 petang itu, hampir 2,000 penduduk terjejas teruk akibat banjir lumpur setinggi dua kaki memenuhi setiap rumah dan menenggelamkan hampir keseluruhan kawasan tersebut.

Melihat keadaan yang mendukacitakan itu, RumahPrihatin@GrandSeasons tampil menghulurkan bantuan berbentuk makanan, pakaian dan sumbangan tunai kepada mangsa terlibat.

Bagi misi tersebut, seramai 30 Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) yang diketuai Pengarah Eksekutif RumahPrihatin@GrandSeasons, **Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah** menggerakkan operasi.

Menceritakan pengalamannya sebagai sukarelawan terlibat, **Muhammad Amirul Hassan**, 29, memberitahu, dia bersama adiknya. **Muhammad Adeeb Hassan**, 26, menyertai misi bantuan tersebut kerana ingin menyelami kesusahan yang dihadapi mangsa bencana alam berikutnya kemasuhan melibatkan harta benda.

Katanya, keadaan yang berlaku itu telah membuka perspektif



10 orang sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) turun padang membantu Misi Bantuan Banjir di Jerai dan Merbok, Sabtu lalu.

baru mengenai jenis kesusahan yang menimpa mangsa bencana dan ia berbeza dengan kesusahan warga kota yang sering ditemui ketika menjalankan Program Jejak Prihatin.

“Bantuan pada kali ini amat berbeza berbanding program yang pernah saya sertai. Sebelum ini, saya beri bantuan kepada penduduk Projek Perumahan rakyat (PPR) dan pusat pemberian vaksin (PPV), tetapi kali ini saya perlu menghulurkan kepada mangsa bencana.

“Sudah pasti ia sesuatu yang baharu kerana bencana alam adalah perkara yang melibatkan

kemasuhan terhadap harta benda dan ia turut melibatkan nyawa,” katanya kepada Wilayahku pada Isnin.

Jelas Muhammad Amirul, kesan itu turut melibatkan emosi kerana mangsa tidak berupaya menyelamatkan harta benda kerana tragedi itu berlaku dalam tempoh yang singkat dan tiada sebarang petanda awal.

“Semestinya ia bermula dengan emosi. Saya dapat merasakan kesedihan dan kesusahan yang dialami penduduk di sana apabila rumah mereka dipenuhi dengan lumpur dan banyak barang berharga musnah.

“Sebagai sukarelawan, saya tidak mampu menghulurkan sumbangan dari segi kewangan tetapi hanya doa dan tenaga sahaja mampu diberi,” katanya.

Bagi adiknya, Muhammad Adeeb,

mengiringinya sewaktu dalam perjalanan membawa bantuan sumbangan daripada Rumah Prihatin.

“Sebagai sukarelawan, saya turut terkesan dengan kejadian yang menimpa penduduk di Jerai dan Merbok. Bagaimanapun, saya rasa gembira kerana diberi peluang untuk membantu menghulurkan bantuan kepada mereka.

“Walaupun hanya memban-

imbau kod QR untuk tonton video berita ini.



tu mengangkat barang bantuan daripada lori ke tempat penyimpanan barang, saya bersa lega kerana dapat menyumbang tenaga walaupun sedikit.

Tambahnya, meskipun bantuan dihantar ke luar Wilayah Persekutuan, pihak pengurusan RumahPrihatin mendidik kami mengenai sikap keprihatinan dan itu membuatnya terpanggil untuk membantu. WK

IMPAK COVID: KPT TINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

- Kadar kebolehpasaran graduan berkait rapat dengan prestasi ekonomi & pasaran pekerjaan negara
- Kesiapan sains pihak secara kolektif penting untuk tingkatkan kadar kebolehpasaran graduan

CABARAN PANDEMIK

- Beri kesan negatif terhadap ekonomi, jejas pasaran pekerjaan negara
- Greduan baru tamat pengajian hadapi cabaran & persaingan lebih besar untuk mendapat pekerjaan
- Kadar kebolehpasaran graduan:



USIRAN KPT BANTU GRADUAN

- PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN MENERUSI DANA PERKASA
 - PENAJAAN KPT-CAP (Career Advancement Programme)
 - Sasar graduan IPT & IPTS tahun 2019, 2020 & 2021 yang belum bekerja
- PROGRAM INTERVENI KEBOLEHPASARAN GRADUAN
 - Fokus kepada pelajar universiti awam (UOA) yang rendah CGPA
 - Tawar kemahiran tambahan untuk tingkatkan kadar kebolehpasaran
- PROGRAM KESUSAHANAN KEPADA PELAJAR
 - Sebagai platform mereka cipta bidang keusahawanan
 - 80,000 pelajar IPT jaluran pengajian semasa dalam pengajian
- TINGKATKAN KERJASAMA ANTARA PIHAK INDUSTRI & AKADEMIK DI IPT
 - Melibatkan inisiatif bersama jangka pendek & panjang seperti:
 - Sesarkan sumbu model & program pengajian
 - Tambah baik kurikulum
- PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021-2025
 - Akan dilancarkan dalam masa dekad
 - Menganggarkan 4 strategi, 13 inisiatif & 31 aktiviti

RAGAMANNA MENYERTAIKAN

- Program kebolehpasaran graduan KPT ditawarkan secara percuma
- Persempena graduan UOA, politeknik, kolej komuniti & IPTS tahun 2019-2020 & 2021 amat digelakkan

SEJARAH KEBOLEHPASARAN LEBIH DALAM

- Sejurus hadir bertemu dengan ahli kerajaan

PERKATAAN

- Perkataan Pengurusan Negara

DATA

- Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

STATISTIK

- Statistik Data Perkataan Perdana Menteri

PERKATAAN

- Perkataan Perdana Menteri

DATA

- Data Perkataan Perdana Menteri

20 tahun jaga Jalur Gemilang gergasi di Dataran Merdeka

AZLAN ZAMBRY

TANGGUNG JAWAB memulihara dan menjaga Jalur Gemilang gergasi di tengah-tengah bandaraya bukanlah satu kerja yang mudah seperti sangkaan orang ramai.

Sebaliknya, tugas itu amat berat disebabkan saiznya yang besar serta mudah dilihat dan yang paling utama, ia merupakan imej kepada negara kita yang berdaulat, Malaysia.

Penolong Jurutera, Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Osman Jalani Hamid**, 59, menyifatkan kerja menjaga Jalur Gemilang gergasi tidak mudah kerana ia melibatkan banyak kesan secara langsung kepada negara.

"Kalau diperhatikan, Jalur Gemilang gergasi ini terletak di Dataran Merdeka yang menjadi pusat pelancongan utama di Kuala Lumpur. Malah kawasan ini menjadi lokasi wajib kepada pelancong asing untuk singgah dan mengabadikan kenangan sepanjang lawatan mereka di Kuala Lumpur.

"Oleh kerana itu, sekiranya jalur gemilang rosak, kusam, atau imejnya kurang menarik, ia memberikan kesan kepada Kerajaan Malaysia, DBKL dan



OSMAN JALANI

rakyat negara ini," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut Osman Jalani, kerja-kerja penggantian bendera gergasi itu dilaksanakan sebulan sekali bagi memastikan warnanya sentiasa terang apabila berkibar.

"Sebelum ini, DBKL menetapkan penggantian bendera tersebut dilaksanakan apabila ia rosak atau dua bulan sekali.

"Namun apabila ia berkait rapat dengan imej negara, maka ia digantikan setiap bulan dan DBKL melantik kontraktor yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja penggantian tersebut," katanya.

Bercerita lanjut, Osman Jalani berkata, seramai empat orang pekerja kontraktor yang ditugaskan untuk menggantikan bendera gergasi itu adalah terlatih serta mempunyai kad perakuan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

"Pekerja kontraktor ini mesti dilengkapi dengan alat *abseiling* dan topi keledar keselamatan sebelum dibenarkan membawa bendera yang baharu menuiki tangga ke tiang bendera setinggi 100 meter dan pada ketinggian 40 meter, disediakan pelantar untuk melaksanakan kerja-kerja penggantian bendera atau penyelenggaraan tiang.

"Setelah bendera baharu di-



MENURUT Osman, pengalaman yang tidak akan dilupakan sepanjang menjaga bendera gergasi sejak tahun 2002 lalu apabila upacara menaikkan Jalur Gemilang itu pada malam Sambutan Kemerdekaan beberapa tahun yang lalu.

pasang, bendera yang lama akan dilupuskan oleh pihak kontraktor dan ia tidak boleh diserahkan kepada pihak lain bagi mengelakkan ia di salah guna," katanya.

Osman berkata, bendera gergasi itu berukuran 60 kali lebar dan ketinggian 30 kaki itu diperbuat daripada daripada fabrik berkualiti tinggi.

"Fabrik yang digunakan adalah *double twinkle* satin. Fabrik itu menampilkan kilauan pada bahagian hadapan dan belakang bendera ketika ia sedang berkibar," katanya.

Ujar Osman lagi, antara pengalaman yang tidak akan dilupakan sepanjang menjaga bendera gergasi sejak tahun 2002 lalu apabila upacara menaikkan

Jalur Gemilang itu pada malam Sambutan Kemerdekaan beberapa tahun yang lalu.

"Ketika detik 12 malam, bendera ini akan dinaik dan seterusnya dikibarkan. Suasana dari ketinggian 40 meter di atas pelantar ini dapat menyaksikan lautan manusia yang memenuhi ruang padang serta jalan raya di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad.

"Apabila ia dinaikkan, kesemua pengunjung serentak menyanyikan lagu Negaraku dan ia menyebabkan perasaan saya tersentuh serta sebak. Suasana itu turut meningkatkan semangat patriotik dalam diri saya, dan ia turut dikongsikan dengan pekerja kontraktor yang turut bertugas pada malam itu," katanya. WK



RumahPrihatin salur bantuan kepada mangsa bencana alam

RUMAHPRIHATIN@GRANDSEASONS menghantar bantuan bernilai lebih RM100 ribu kepada hampir 1,000 keluarga mangsa bencana alam di Jerai dan Merbok hari ini.

Pengasasnya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, antara barang yang berikan adalah bakul makanan, pakaian, dan juga pakaian ibadat serta bantuan tunai untuk menyewa jentera berat.

"Dengan apa yang kita ada dan dengan jaringan yang kita ada, kita dapat kumpulkan barang keperluan, dan setiap satu item itu kosnya adalah RM15,000.

"Kita adalah lebih kurang lima item dan itu sudah hampir RM100 ribu lebih dan hari ini kita hantar hampir 1,000 unit setiap item yang ada teleung, kain dan juga

barang bantuan makanan segera," katanya kepada pemberita selepas melepaskan konvoi bantuan ke dua kawasan itu di RumahPrihatin@GrandSeasons di sini Sabtu lalu.

Annuar berkata, pihaknya turut menghantar bantuan tunai kepada pemimpin di kawasan itu untuk menyewa jentera berat.

"Mereka memerlukan kepada jentera berat, seperti *case*, *excavator* dan sebagainya untuk mengalihkan kayu-kayu yang tumbang kerana keadaan itu seperti tsunami kecil dan banyak melibatkan banjir lumpur yang sukar hendak dibersihkan dengan cara manual," katanya.

Tambahnya, pihaknya tidak dapat menghantar sukarelawan untuk memban-

tu penduduk yang terjejas dengan tragedi tersebut kerana faktor jarak yang jauh.

"Jadi kita hantar bantuan. Kita harap rombongan 30 orang ini sedikit sebanyak dapat memberikan sokongan moral kepada adik kakak kita di sana," katanya.

Jelasnya, RumahPrihatin yang menekankan konsep kecaknaan dan keprahlitanan tampil untuk membantu mangsa yang terjejas di kawasan tersebut sekali-pun ia di luar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif RumahPrihatin, Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah.

GAMBAR DI MUKA 12 DAN 13

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer0@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com
Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze

Kikkywilayahku7@gmail.com
Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfarq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my

V Kumar Veeran

veeran1010@gmail.com
Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Muhammad Adib Zailani

CERITA KEDAI KOPI

Memenuhi harapan rakyat

SETELAH pelantikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9, harapan rakyat kini adalah agar beliau dan barisan kabinet komited melaksanakan amanah yang digalas. Harapan juga agar politicking di kalangan pelbagai parti dihentikan atau sekurang-kurangnya diredukan untuk waktu ini.

Tumpuan kesemua pihak sewajarnya menjurus kepada kepentingan negara, khususnya dalam mengangani isu lebih *urgent* demi kesejahteraan rakyat, iaitu pandemik COVID-19.

Ramai pula yang menderita akibat COVID-19 masih dirawat di hospital, termasuk di Unit Rawatan Rapi (ICU). Jumlah kes keseluruhan sehingga 23 Ogos ialah 1.57 juta dengan 1,040 berada dalam ICU. Kes sembah hampir 1.298 juta. Jumlah kematian pula mencapai 14,342.

Data-data inilah yang perlu terus diberi perhatian oleh semua pihak, bukan sekadar oleh kerajaan atau *frontliners* yang mengorbankan masa dan tenaga untuk membantu mengekang penularan pandemik berkenaan.

Justeru ahli-ahli politik tanpa mengira saham politik masing-masing perlu menggembung seluruh tenaga membantu kerajaan kerana soal kesejahteraan rakyat dan negara bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata.

Segala usaha baik yang telah dijalankan oleh kerajaan sebelum ini perlu diteruskan, malah diperhebat. Misalnya proses memvaksinasi rakyat untuk segera mencapai sasaran imuniti kelompok atau *herd community* pada bulan Oktober. Sangat membanggakan kerana proses vaksinasi negara adalah antara terpanas di dunia.

Imuniti kelompok memerlukan sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat menerima suntikan lengkap dua dos. Wilayah Persekutuan telah mencapai sasaran ini, dengan Labuan paling awal mencapainya.

Kerana itu, rehatkan dahulu politik. Pastikan usaha memvaksin seramai mungkin rakyat dalam waktu secepat mungkin dapat dicapai. Pastikan juga rakyat yang belum berdaftar berbuat demikian. Yang sengaja enggan mendaftar perlu diambil tindakan kerana perbuatan mereka membahayakan orang lain.

Bila boleh berdisiplin?

SEHINGGA bilakah orang ramai di Wilayah Persekutuan (WP) mampu membentuk diri menjadi rakyat yang berdisiplin dan tidak membuat sampah di mana-mana sesuatu hati?

Mereka buang sampah di jalan raya, di taman rekreasi, di padang awam, di tempat tumpuan ramai dan di tempat kemudahan awam seperti stesen bas atau kereta api tanpa rasa bersalah. Perbuatan tidak bertanggungjawab ini bagaimanapun menjadi amalan bagi segelintir warga WP.

Baru-baru ini dilaporkan orang ramai membuat sampah sisa makanan dan bungkusan makanan di sebuah stesen transit aliran ringan (LRT) di ibu negara sehingga mengotorkan kawasan dan mencacatkan pemandangan.

Nampaknya di tempat di mana orang ramai bertumpu, di situah tempat mereka membuat sampah. Walhal bukan tidak ada tempat membuat sampah disediakan. Kenapa membuat sesuatu hati? Tentunya kerana lebih mudah dan sudah menjadi tabiat.

Apakah erti negara bergerak maju dan pelbagai kemudahan disediakan bertaraf kelas pertama jika orang ramai sendiri masih berfikiran kelas ketiga? Mereka tidak mengamalkan kebersihan sedangkan kebersihan amat penting demi kesihatan orang ramai dan kesejahteraan persekitaran.

Bagi yang suka membuat sampah merata-rata ini adalah memang sikap mereka begitu juga jika di kediamaan sendiri? Sampah dibuang bertaburan di dalam rumah atau sekeliling rumah? Atau adakah di rumah kebersihan dijaga tetapi di luar sikap berubah?

Jika memang jenis pengotor, kotorkan rumah anda sendiri tetapi jangan kotorkan tempat awam. Begitu juga jika suka membuat sampah di luar tetapi di rumah sendiri dijaga bersih, maka cubalah kotorkan rumah untuk memahami perbuatan itu sangat buruk.

Disiplin mesti terbit dari dalam diri. Jangan hanya kerana terpaksa oleh undang-undang atau bimbang dikenakan tindakan. Sikap begini tidak dapat memupuk kesedaran sejati.

MEDIA WARGA KOTA

Dapatkan
di 500 lokasi terpilih
di Kuala Lumpur,
Putrajaya dan Labuan


* Maklumat lanjut layari: www.wilayahku.com.my *



IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
26cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1080px X 96px
RM2,500

MIDDLE BANNER
1080px X 280px
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR
350px X 280px
RM1,500

HALF PAGE
350px X 500px
RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Agama tidak mengajar miskin



DATUK DR BUDIMAN
MOHD ZOHDI

MINGGU lepas saya ditanya oleh seseorang, "Adakah Islam membenci orang miskin?"

Dia bertanya begitu dengan merujuk kepada hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. yang bermaksud: "Maka sesungguhnya kefakiran itu hampir-hampir mengundang kekufturan."

Dalam terjemahan lisan ia juga sering disebut "kemiskinan itu mendekatkan seseorang dengan kekufturan."

Saya tidak boleh menjawab sebagai orang agama kerana pengetahuan dan pengalaman saya dalam bidang itu agak terhad.

Tetapi sebagai orang biasa yang faham serba sedikit tentang asas ilmu agama dan ilmu motivasi saya cepat-cepat menyanggah pandangan itu.

Saya segera memberitahu, Islam sebenarnya memberikan tempat yang sangat istimewa kepada orang miskin, namun pada masa yang sama ia tidak mahu penganutnya dibelenggu oleh kemiskinan.

Perlu diperjelaskan di sini bahawa ulama umumnya berpendapat bahawa daripada segi sanadnya hadis ini sangat daif (lemah) bahkan sudah mendekati mawdu' (palsu).

Sebab di dalam sanadnya terdapat seorang rawi yang bernama Yazid bin Aban al-Raqqasyi, yang kredibilitinya dalam soal berkata benar sangat diragui.

Walaupun demikian, ulama turut berpandangan bahawa hadis yang diragui itu tidaklah pula menyimpang daripada pendirian Islam terhadap kemiskinan.

Pandangan ini dibuat berdasarkan hadis riwayat Abu Bakrah r.a. yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW kerap berdoa, maksudnya: "Ya Allah sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari kefakiran, kekurangan, kehinaan dan dari menzalimi orang lain atau dizalimi oleh orang lain."

Saya tidak boleh menulis bagi pihak agama lain, tetapi saya percaya tidak ada agama yang mahu penganutnya miskin.

Dalam Islam perkara ini amat jelas sebagaimana ditunjukkan

“ Saya tidak boleh menulis bagi pihak agama lain, tetapi saya percaya tidak ada agama yang mahu penganutnya miskin. ”

dalam hadis di atas dan dalam pelbagai dalil lain.

Saya perturunkan beberapa daripadanya: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

(Surah al-Ra'd ayat 11).

"Kemudian setelah selesai sembahyang maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah apa yang kamu hajati dan limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak supaya kamu berjaya."

(Surah al-Jumu'ah ayat 10).

"Tangan yang di atas (yang memberi) lebih mulia daripada tangan yang di bawah (yang meminta-minta)."

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

"Salah seorang daripada kamu yang keluar pada waktu pagi lalu memikul kayu di atas belakangnya untuk dijual, lalu dia mengeluarkan sedekah sebahagian daripada jualan kayu dan dengan (baki wang) itu dapat mencukupkan dirinya sehingga dia tidak perlu meminta kepada orang lain, adalah lebih baik baginya daripada meminta kepada seseorang (yang tidak pasti) diberi ataupun ditolak."

(Hadis riwayat Abu Hurairah dan Muslim).

Semua ayat al-Quran dan hadis di atas adalah tentang nasib manusia, tentang usaha dan tentang peluang yang Allah Taala sediakan.

Ia adalah panduan paling jelas dan suruhan paling nyata supaya manusia, umat Islam khususnya, berusaha keluar daripada kemelaratan.

Seperti disebutkan di atas, Islam memberi tempat istimewa kepada orang miskin. Konsep zakat, fitrah, sedekah, infaq dan seumpamanya digariskan dengan begitu rupa demi memastikan setiap orang miskin mendapat haknya.

Itu tidak bermakna Islam menggalakkan penganutnya menjadi miskin, sebaliknya mahu si miskin memanfaatkan pertolongan, bantuan dan sumbangan bagi berusaha mengeluarkan diri daripada cengkaman kemiskinan.



KEMISKINAN membuka jalan kepada pelbagai masalah sosial kerana itulah kemiskinan perlu ditangani dan diperangi.

Islam tidak mahu umatnya miskin kerana kemiskinan akan mendekatkan mereka kepada perkara-perkara yang tidak baik.

Kajian yang dijalankan di mana-mana sahaja di seluruh dunia menunjukkan kaitan rapat antara kemiskinan dengan masalah-masalah sosial seperti jenayah, penyalahgunaan dadah, pelacuran dan sebagainya.

Kemiskinan juga akan memberi imej yang tidak baik kepada banyak pihak di mana kelompok miskin itu berada, ia akan melibatkan soal maruah komuniti, negeri, negara, malah agama.

Ia akan membuka jalan kepada pelbagai masalah termasuklah penaklukan dan penjajahan. Atas sebab itulah kemiskinan perlu ditangani dan diperangi.

Untuk keluar dari jerat kemiskinan tidak perlu serta program MLM atau labu peram, tidak perlu mengadu untung di kedai judi, tidak perlu meminta simpati di sana sini.

Modal terbaik hanya lima perkara, kesedaran, kemahuan, usaha, kesungguhan dan keyakinan.

Kemudian menapaklah ke arah kejayaan dengan berpandukan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan kerana sesungguhnya itulah sebaik-baik motivasi.

Untuk membina kesedaran lihatlah di sekeliling kita. Nilai sendiri betapa kayanya alam ini sehingga tiada satu apa pun di dalamnya yang tidak berharga, sama ada sampah yang hina mahupun arang yang hitam.

Bertanyalah pada diri kenapa

Usaha juga ada tahapnya. Tetapi yang membawa kejayaan hanyalah usaha yang bersungguh-sungguh.

Grant Cardone, penulis, penceramah, motivator dan usahawan terkenal Amerika Syarikat dalam satu catatannya menyebut, Orang lain bekerja 9 hingga 5, tetapi saya bekerja 95 jam seminggu.

Untuk berjaya anda perlu berhenti bekerja 9 hingga 5 tapi mula bekerja 95 jam."

Maknanya dia bekerja kira-kira 14 jam sehari.

Bukan Cardone sahaja.

Kebanyakan orang yang berjaya lazimnya bekerja lebih daripada 12 jam sehari. Malah ramai yang bekerja sehingga 18 jam. Itu baru namanya bersungguh-sungguh.

Selepas berusaha dengan penuh kesungguhan, tanamkanlah keyakinan dalam diri bahawa apa yang diusahakan itu akan membawa hasil.

Yang menjanjikan kejayaan kepada mereka yang berusaha adalah Allah dan rasul-Nya, bukannya pakar motivasi di laman sosial yang lebih peduli pada berapa yang anda perlu bayar bukannya kejayaan yang bagaimana harus anda kecap.

Jika janji Allah dan Nabi SAW pun anda ragu-ragu, maka berhentilah berangan-angan dan bersedialah untuk hidup mati bersama kemiskinan.

Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.



BERPERANG DENGAN KATA-KATA

Ketika berperang dengan kata-kata ada yang tertikam bibir dan lidah ada gigi yang patah tersalah langkah dan serangan kata-kata dari berbagai arah semakin ramai yang rebah dan lelah.

Semakin banyak air liur yang tumpah dengan caci maki dan sumpah seranah sekadar berteduh di rendang pohon muhasabah untuk mengembalikan keimanan kering di dada jiwa kembali basah dan cerah!

Ismail Hashim
Warisan Puteri, N. SEMBILAN

t.me/wilayahku



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Penjaja jangan sewakan lesen

KEMUDAHAN disediakan tetapi disalah guna. Lesen diberi di bawah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) disewakan kepada orang lain.

Kegiatan ini dapat dihibus oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seperti dide dahakan dalam *Wilayahku* minggu lalu.

Ini dikesan di Jalan Kuantan, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur. Tidak mustahil ini hanya di permukaan.

Dibimbangi terdapat banyak kes seperti ini tetapi belum dikesan oleh DBKL. Yang jelas ia bukti sikap tidak bertanggungjawab penjaja IWBB.

Menyewakan lesen tentunya bertujuan memperoleh keuntungan atas angin, cepat dan mudah. Tidak perlu menjalankan perniagaan, hanya menyewakan kepada pihak lain dan mendapat sewa harian.

Lebih buruk ia disewakan kepada warga asing sedangkan matlamat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) adalah memberi lesen niaga kepada warga kota yang terkena tempias pandemik COVID-19 sehingga hilang pekerjaan dan sumber pendapatan.

Program IWWB adalah antara beberapa inisiatif berasas dicetuskan oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, yang sangat prihatin dengan golongan ini dan sentiasa berusaha membantu mereka melalui pelbagai cara.

Kerana itu Adi kesal dengan sikap peniaga yang tidak tahu menghargai bantuan yang diberi demi meneruskan kehidupan.

Mereka malas berusaha sedangkan lebih banyak untung akan diperoleh apabila mengusahakan sendiri pernigaan.

Tetapi mereka lebih minat duduk bersantai. Mereka berpuas hati dengan hanya menerima sewa harian sedangkan orang yang menyewa beroleh untung berlipat ganda.

Memang Adi tidak hairan jika terdapat banyak kes menyewakan lesen ini lantaran sikap tidak amanah pemegangnya.

Sewajarnya para peniaga atau penjaja menghargai apa yang dibuat oleh kerajaan dan KWP khususnya untuk membantu.

Sebelum ini pun, selain IWBB, sudah banyak dilaporkan kes di mana penjaja menyewakan lesen perniagaan kepada orang lain.

Mereka memohon lesen hanya untuk untung mudah sedangkan ramai yang lebih memerlukan dan benar-benar ingin berniaga terlepas peluang.

Oleh itu Adi mengalu-alukan tindakan ke atas kepada



MENYEWAKAN lesen untuk memperoleh keuntungan atas angin, cepat dan mudah adalah dilarang dan jika tertangkap lesen akan ditarik balik.

peniaga tidak amanah ini dengan menyita perlatan perniagaan di samping mengenakan kompaun. Tindakan ini memang wajar.

Malah Adi ingin mencadangkan peniaga yang bersikap seperti ini disenaraikan hitam dan tidak diberi peluang lagi untuk mendapat lesen, sekurang-kurangnya untuk satu tempuh masa tertentu.

Ini sebagai pengajaran dan peringatan kepada yang lain agar tidak melakukan kesalahan sama.

Para peniaga di bawah skim IWBB mesti sedar lesen hanya dikeluarkan oleh DBKL dan KWP kepada warga tempatan yang layak.

Matlamatnya murni, agar mereka menceburan bidang baharu setelah terjejas sumber rezeki akibat COVID-19.

KWP sangat memahami masalah yang mereka hadapi. Kerana itulah untuk

meringankan beban, IWBB diperkenal mulai April 2020 dan disambung hingga Disember ini. Jika keadaan memerlukan, ada kemungkinan inisiatif akan disambung.

Harapan Adi kepada mereka yang terpilih menyertai insiatif ini, hargailah usaha kerajaan.

Berniagalalah demi memperoleh pendapatan dan berniagalalah dengan penuh komitmen.

Jangan sewakan lesen kepada orang lain. Perbuatan itu bukan sahaja merugikan diri sendiri tetapi jelas melanggar syarat pemberian lesen.

Adi berharap DBKL akan terus memantau kegiatan tidak bertanggungjawab menyewa atau menjual lesen IWBB ini menurut peruntukan undang-undang yang dibenarkan.

Malah Adi juga mencadangkan tindakan peguatuasaan ini bukan

MAKLUMAN AWAM

VAKSINASI WALK-IN DI LEMBAH KLANG DITERUSKAN, KAEADAH JANJI TEMU BAGI WARGA ASING

WARGA TEMPATAN

- Inisiatif vaksinasi secara walk-in dimulakan 2 Disember ini di PPV yang ditunjuk.
- Namun vonis akan diteruskan hanya di 13 PPV tersebut, berikut jumlah walk-in yang direncanakan berkutan:

13 PPV TERSENARAI MUJAH:

Bersama 23 Ogos	Bersama 25 Ogos
Posut Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)	Le Pavillon Gurney Garden Gorontalo
Axiata Arena Bakti Jali	Bukit Berunting Golf Resort
Ideal Convention Centre (IDCC) Shah Alam	Bersama 26 Ogos
Posut Konvensyen Energgi Avenue (BACC)	Galaxy Mall Ampang
Hotel Wyndham Amanah Klang	Universiti Multimedia Cyberjaya
Dewan Sukan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	MySejahtera
Stadium Terengganu	Talian PICK: 1800-888-828
Dewan Seri Bentan	www.vaksincovid.gov.my
Dewan Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur	PERINGATAN

Pengguna vaksin perlu bawa quadi pemastacan seperti kad kerja / bil utiliti

Kaedah walk-in di negeri lain diturunkan segerai bila 8 bergerak kepada negeri masing-masing

PPV: Posut perniagaan vaksin
Sumber: Posut Perdagangan Khas Kejuruteraan COVID-19 (OPP)

Entri terakhir: 23 Ogos 2021 Fotografi: Bernama

“Adi berharap DBKL akan terus memantau kegiatan tidak bertanggungjawab menyewa atau menjual lesen IWBB ini menurut peruntukan undang-undang yang dibenarkan.

sahaja kepada IWBB, tetapi juga pelbagai kegiatan penjaja kelompok lain seperti pasar malam, pasar tani, bazaria dan sebagainya. Jangan biarkan kegiatan ini berleluasa.

Biarkan mereka yang benar-benar jujur dan komited sahaja diberi peluang berniaga.

Yang sekadar mahu untung cepat, lupukan sahaja.

KEBIMBANGAN DALAM KELONGGARAN

Khabarnya walaupun beberapa kelonggaran sudah diberi sejak dengan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi, sosial dan budaya di Kuala Lumpur, masih wujud kebimbangan di kalangan orang ramai ‘meraikan’ kelonggaran tersebut.

Sebagai contoh, kebenaran makan atau *dine in* di kedai makan atau restoran bagi mereka yang telah mendapat dua dos lengkap suntikan vaksin COVID-19.

Ini terpakai di Wilayah Persekutuan (WP) walaupun WP, kecuali WP Labuan, masih berada pada Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kelonggaran ini diumumkan oleh mantan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada hari-hari terakhir sebagai perdana menteri. Sebelum itu *dine in* hanya dibenarkan bagi negeri-negeri yang berada dalam Fasa 2.

Selain itu dalam sektor pelancongan yang juga diberi kelonggaran dalam negeri sama, dilaporkan sambutan orang ramai juga masih belum menggalakkan.

Dipercai ini semua berlaku kerana orang ramai masih berhati-hati dan berwaspada dengan gejala COVID-19 yang masih ‘ganas’.

Mereka masih belum begitu berani mempertaruhkan keselamatan diri dan keluarga kerana risiko masih menanti.

Kerana itu ramai tetap berpegang kepada prinsip duduk di rumah kecuali ada urusan perlu.

Mereka menganggap makan di kedai atau melancong bukan urusan perlu ketika ini dalam suasana kes jangkitan harian yang masih tinggi.

Malah terdapat pengusaha kedai makan atau restoran yang dilaporkan masih belum bersedia

menerima pelanggan kerana mereka sendiri bimbang dengan situasi masa kini.

Mereka bimbang kemungkinan yang boleh berlaku jika membenarkan *dine in*.

Dengan kata lain, orang ramai dan premis makanan masih sangat berhati-hati menikmati pelbagai kelonggaran yang diberi. Keselamatan diri dan keluarga masih diletakkan sebagai perhitungan utama.

Imuniti kelompok membolehkan WP kembali rancak. Pelbagai sektor yang ditutup sebelum ini atau beroperasi pada skala terhad, akan dibuka kembali.

Tentunya ini amat dialu-alukan terutama bagi Kuala Lumpur, nadi kegiatan ekonomi dan sosio-ekonomi negara.

Namun dalam kelonggaran diberi, warga WP mestilah sentiasa berwaspada dan tidak laik, sekalipun sudah mendapat dua dos suntikan.

Ini kerana pandemik COVID-19 masih mengancam di seluruh negara.

Apa juar yang dilakukan hendaklah patuh kepada prosedur operasi standard (SOP). Jika hendak makan di kedai hanya kerana mahu bersantai atau bersembang eloklah tangguhkan hasrat itu. Teruskan amalan membili lalu atau *take away*.

Gunakanlah kelonggaran yang diberi dengan penuh bijaksana dan berpada-pada. Ingat, memperoleh dua dos vaksin bukan semestinya diri tidak boleh dijangkiti virus COVID-19.

Berhati-hatilah jaga diri dan ‘kita jaga kita’.

- Adi Tuah

Adi Tuah



SELIMUT MERDEKA

Akan kita sarung selimut merdeka rasa kehangatan yang membara mimpi dengan penuh nyata esok kita buka mata membawa juara

Keselesaan yang dirasa indah belaka kecapi nikmat di bawah satu bendera harungi badai laut samudera negaraku perkasa dijulang merdeka

Sebuah bangsa bahtera pujangga gema patriotik satu bahasa laungan merdeka tetap membara keringat jiwa simpan bertakhta

Kita bentangkan selimut merdeka berteduh payung mahkota negara keramat ini dijunjung setia sehati sejwa seantero bangsa

Gabriel Kimjuan
Taman Mutiara, Labuan

Kelas digital SPM Mahir Tutor lebih kerap diakses calon - YWP

AINI MAWAWI

KELAS digital SPM Mahir Tutor menjadi pilihan pertama calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan selepas Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Menurut Pegawai Kanan Program PESAT, Yayan Wilayah Persekutuan (YWP), **Zahrulail Abdul Rahman**, berdasarkan pemantauan yang dijalankan setelah hampir tiga bulan ia dilaksanakan, didapati seorang pelajar melayari kelas digital berkenaan lebih 10 kali dalam tempoh satu hari.



ZAHRULAIL



YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

Malah katanya, waktu kemuncak akses yang direkodkan adalah pada waktu malam.

"Kebanyakan pelajar mengakses kelas digital tersebut sebagai persediaan tambahan yang bagus bagi calon yang akan menghadapi peperiksaan SPM."

"Kita juga mendapat subjek teras yang paling banyak dilayari dalam tempoh berkenaan antaranya Sains dan Matematik," ujar beliau sambil menambah pemantauan akan dilakukan sehingga peperiksaan SPM berlangsung.

Terbaru, YWP merekodkan sejumlah 21,756 pelajar yang telah menerima kata laluan bagi mengakses kelas percuma tersebut.

Mengulas lanjut Zahrulail memberitahu kelas digital SPM Mahir Tutor menjadi pilihan utama pelajar disebabkan mudah diakses selain meneuti silibus peperiksaan pada masa ini.

"Mereka juga boleh berinteraksi secara pantas dengan tutor melalui *live chat* untuk melaraikan ketidakfahaman terhadap sesuatu topik sekali gus memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung," jelas beliau.

Untuk makluman, kelas pembelajaran itu direkodkan dalam (*video on demand*) bagi membolehkan pelajar mengaksesnya melalui semua jenis peranti. WK



CALON SPM gembira diberi kemudahan kelas digital SPM Mahir tutor. Gambar hiasan

Individu lebih mudah bersaing jika kuasai lebih dua bahasa

Senjata rahsia kejayaan antarabangsa

BERTERASKAN perkembangan tradisi dan kebudayaan masa ini, Kunkwan International Mandarin Learning Centre menganjurkan *Program Voice Of Kunkwan* secara virtual pada 21 Ogos lalu.


Dirasmikan angkasawan negara, **Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor**, program nyanyian yang berlangsung selama tiga jam itu merupakan platform untuk menyerlahkan bakat sekali gus meningkatkan penguasaan Bahasa Mandarin.

Berkata mengenai program itu, Dr Sheikh Muszaphar memberitahu, Bahasa Mandarin adalah bahasa yang paling banyak dituturkan di dunia, iaitu melebihi 1.2 billion dan kebolehan bertutur menggunakan akan menjadi senjata rahsia untuk bersaing terutama dalam alam pekerjaan.

"Penguasaan Bahasa Mandarin amat penting terhadap masyarakat terutamanya



SHEIKH MUSZAPHAR



SHARMEEN memenangi pertandingan nyanyian, Voice of Kunkwan.

golongan anak muda.

"Saya sendiri telah mengambil langkah pertama dengan menghantar anak-anak ke sekolah Cina supaya mereka mempunyai kelebihan pada masa akan datang," katanya ketika berucap merasmikan program.

Terdahulu, *Program Voice Of Kunkwan*

yang diadakan menerusi aplikasi Zoom, ditonton lebih 900 individu yang terdiri daripada peserta serta pelajar kursus Mandarin.

Pertandingan ini diadili oleh Mark Adam, Bunga, Kent Ng dan Ms Au.

Juara bagi *Voice Of Kunkwan* disandang

peserta dari Pulau Pinang, **Sharmeen Farahim**, 22, manakala Naib juara dimenangi Salehuddin Ashraf Jamil dan tempat ketiga diraih, Nurul Amira.

Ketiga-tiga mereka membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,076.

Bagi Sharmeen yang pernah bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sewaktu berumur lima hingga enam tahun, dia merasakan satu kerugian besar kerana tidak mampu lagi untuk bertutur dalam bahasa Mandarin.

Oleh itu, katanya, menyertai kelas online Mandarin dari Kunkwan dapat membantunya mempelajari banyak perkara termasuk perkataan asas Mandarin.

"Saya amat gembira kerana pertama kali menyertai program berprestij seperti ini dan menang. Saya menganggap ini sebagai peluang untuk saya melangkah lebih jauh dalam bidang nyanyian," katanya.

Untuk makluman, matlamat utama penubuhan Kunkwan adalah bagi meningkatkan kebolehan berbahasa bagi semua rakyat Malaysia yang tidak menggunakan Bahasa Mandarin sebagai bahasa ibunda sekaligus meningkatkan daya saing. WK

The 5 Elements Hotel agih sumbangan makanan

SELARI matlamat 'Ukirkan Senyuman Pada Yang Memerlukan', The 5 Elements Hotel mewujudkan Warong Kak Delima bagi mengagihkan sumbangan makanan kepada golongan memerlukan.

Berbentuk pendampingan sosial, program dianjurkan bagi mendekatkan orang perseorangan dan warga korporat kepada golongan terkesan susulan penularan wabak COVID-19 khususnya mereka yang daif, miskin dan sukar mendapat bantuan makanan secara khusus.

Menurut jurucakapnya, senario

semasa juga memperlihatkan keprihatinan pihak The 5 Elements Hotel kepada permasalahan dan kesukaran yang dialami individu, keluarga dan komuniti yang dianggap terpinggir daripada arus kehidupan serta memerlukan pertolongan atau bantuan tambahan.

"Menyedari akan kekangan hidup yang dialami oleh golongan berkenaan, maka pihak The 5 Elements Hotel menyediakan program pengagihan makanan melalui usaha mengoptimumkan sumber se-

dia ada antara orang perseorangan, badan-badan korporat dan komuniti secara kolaborasi strategik.

"Dengan hanya RM600 anda bakal mengukir senyuman kepada 100 orang yang amat memerlukan. Pihak The 5 Elements Hotel menyediakan pek-pek makanan yang boleh dibeli dan kami mempunyai senarai pengagihan kepada mereka yang wajar disantuni."

"Kami amat terharu dengan sambutan yang diberi penyumbang kerana ia melangkuai sempadan antarabangsa," katanya. WK



PETUGAS The 5 Elements Hotel agih sumbangan kepada golongan memerlukan, baru-baru ini.



Usaha KPT meningkatkan kebolehpasaran graduan semasa pandemik COVID-19

PANDEMIK COVID-19 telah memberikan kesan negatif terhadap ekonomi di kebanyakan negara di dunia. Penutupan atau pengoperasian bukan pada skala penuh oleh sektor-sektor ekonomi bagi mengekang penularan virus ini telah menyebabkan berlakunya penguncutan dan menjelaskan pasaran pekerjaan negara.

Seperti mana laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia kadar pengangguran khususnya dalam kalangan siswazah telah meningkat sebanyak 0.4% pada tahun 2020 berbanding 2019.

Hakikatnya, situasi ini memberikan cabaran besar kepada graduan yang aktif mencari pekerjaan apabila kebanyakan syarikat mula membekukan pengambilan pekerja, mengecilkan saiz perniagaan, bahkan ada syarikat yang terpaksa menutup operasi kesan daripada pandemik yang



DARI sudut kebolehpasaran graduan, kadar pada tahun 2020 adalah sebanyak 84.4%, menurun sedikit sebanyak 1.8 peratus daripada kadar pada tahun 2019 sebanyak 86.2%.



KPT juga setiap tahun menjalankan program-program intervensi kebolehpasaran graduan yang memberi fokus kepada pelajar sementer akhir dan graduan Universiti Awam yang rendah CGPA dengan memberikan kemahiran tambahan kepada mereka untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran.



Scan QR
Code untuk
saksikan
video

GREaT

Graduates Reference Hub for Employment and Training adalah portal sehenti kepada graduan untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya, program dan tips meningkatkan kebolehpasaran graduan.

berlaku.

Bagi graduan-graduan yang baru menamatkan pengajian, mereka ini menerima cabaran yang lebih besar dalam persaingan untuk mendapatkan pekerjaan memandangkan kelompok graduan ini belum mempunyai pengalaman bekerja.

Dari sudut kebolehpasaran graduan, kadar pada tahun 2020 adalah sebanyak 84.4%, menurun sedikit sebanyak 1.8 peratus daripada kadar pada tahun 2019 sebanyak 86.2%. Kadar ini dalam erti kata mudah mengesahkan status kebolehpasaran seseorang graduan yang baru menamatkan pengajian dalam tempoh enam (6) bulan untuk mendapatkan pekerjaan atau melanjutkan pengajian atau mendapatkan latihan peningkatan kemahiran.

PENJANA KPT-CAP, PENJANA KPT-PACE JANJI PENEMPATAN PEKERJAAN

Semakin tinggi kadar kebolehpasaran graduan, semakin tinggi kualiti graduan yang dihasilkan oleh IPT dan berupaya memenuhi permintaan industri.

Kadar kebolehpasaran graduan amat berkait rapat dengan prestasi ekonomi dan pasaran pekerjaan negara. Oleh yang demikian, kerjasama secara kolektif dan bersama dengan semua pihak amat perlu dalam memastikan kadar kebolehpasaran graduan ini dapat ditingkatkan lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik yang sedang melanda negara dan dunia.

Antara inisiatif yang sedang giat dijalankan adalah program peningkatan kemahiran melalui dana Pelan Jana Semula Ekonomi

atau PENJANA. Melalui inisiatif tersebut, Kementerian telah melaksanakan dua program yang berkonsepkan latihan peningkatan kemahiran dan pensijilan profesional untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan iaitu PENJANA KPT-CAP atau *Career Advancement Programme* dan PENJANA KPT-PACE atau *Profesional Certification*.

Sasaran peserta bagi kedua-dua program ini adalah pelajar tahun akhir dan graduan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) (termasuk universiti awam, politeknik dan kolej komuniti) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja. Uniknya kedua-dua program ini, menjanjikan penawaran penempatan pekerjaan kepada para peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Selain itu, KPT juga setiap tahun menjalankan program-program intervensi kebolehpasaran graduan yang memberi fokus kepada pelajar tahun akhir dan graduan IPTA yang rendah CGPA dengan memberikan kemahiran tambahan kepada mereka untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran.

Peserta program-program ini juga akan ditawarkan penempatan pekerjaan oleh industri sebaik sahaja mereka menamatkan latihan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Di samping itu, KPT turut melaksanakan program-program keusahawanan kepada pelajar untuk menggalakkan mereka menceburan bidang ini.

Pada tahun 2020 sahaja,

lebih 68,000 pelajar di IPT telah menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian dan daripada jumlah tersebut hampir 8,000 pelajar telah meneruskan kerjaya perniagaan mereka selepas menamatkan pengajian.

Dalam masa yang sama, kementerian juga sentiasa meningkatkan kerjasama antara pihak industri dan akademia di IPT, bukan hanya tertumpu kepada pelaksanaan program secara *one-off*, tetapi melibatkan inisiatif yang lebih bersifat jangka sederhana dan panjang seperti semakan semula modul dan program pengajian; penambahbaikan kurikulum serta penyediaan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersifat '*industry driven*' kepada pelajar.

PORTAL GREAT BANTU TINGKATAN KEMAHIRAN GRADUAN

Permohonan untuk menyertai program-program tersebut masih lagi dibuka dan graduan boleh melayari Portal GREaT, KPT untuk mendapatkan maklumat lanjut. Selain permohonan program, graduan juga boleh mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan tawaran pekerjaan; peluang

“Portal GREaT dibangunkan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi membantu graduan 2019, 2020 dan 2021 yang belum bekerja mendapatkan latihan peningkatan kemahiran dan maklumat pekerjaan mengikut kelayakan dan kompetensi mereka.”

untuk menyambung pengajian; permohonan kemudian penajaan pengajian; serta latihan peningkatan kemahiran yang dianjurkan daripada pelbagai agensi.

Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pengajian Tinggi, **Datuk Shaharuddin Abu Sohot** turut menyeru graduan untuk merebut peluang yang disediakan.

“Saya menyeru graduan-graduan, universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan IPTS tahun 2019, 2020 dan 2021 untuk berusaha merebut peluang yang ada kerana semua program-program kementerian ini disediakan secara percuma untuk anda. Anda boleh layari pautan laman sesawang <https://great.mohe.gov.my/>,” katanya.

Jelas beliau, antara penambahbaikan baharu yang dilaksanakan terhadap portal ini adalah dengan memperkenalkan modul ‘*Jobmatching*’ yang berupaya menemupadankan graduan dengan keperluan pihak syarikat atau industri.

Apa yang menariknya modul ini diperkenalkan menerusi konsep “Industri Jejak Graduan” kerana melalui modul ini, graduan tidak perlu memohon pekerjaan seperti mana portal pencarian pekerjaan sedia ada kerana data graduan telah disimpan di dalam Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) yang sedia ada di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Oleh itu, melalui modul ini kriteria tenaga kerja yang diperlukan oleh syarikat atau industri akan dipadankan dengan data atau



Kementerian telah melaksanakan dua program yang berkonsepkan latihan peningkatan kemahiran dan pensijilan profesional untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan iaitu PENJANA KPT-CAP dan PENJANA KPT-PACE.

“ Perkara ini tidak mustahil untuk dicapai. Dengan panduan yang disediakan melalui Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 yang dibangunkan ini dan kerjasama semua pihak sama ada di pihak kerajaan, industri, IPT, tenaga pengajar mahupun pelajar sendiri, Insyaallah, saya percaya kita akan mampu untuk hasilkan bakat-bakat yang berkualiti dan berpotensi tinggi.

maklumat graduan di KPT. Portal ini akan bertindak memadankan menggunakan kaedah tapisan multi-kriteria dan pemeringkatan (*ranking*) yang terdapat dalam modul ini. Industri boleh memilih graduan mengikut kriteria yang mereka perlukan seperti program pengajian dan peringkat pengajian, nama/jenis IPT, CGPA, negeri bermastautin, band MUET, kemahiran bahasa ketiga, kemahiran ICT dan lain-lain.

Modul ‘Jobmatching’ ini bukanlah untuk bersaing dengan portal-portal mencari pekerjaan yang sedia ada di luar sana tetapi modul ini bertindak sebagai pelengkap kepada portal-portal tersebut.

Bagi memastikan keselamatan dan kerhsiaan data dilindungi dalam modul JobMatching@GREaT ini, maka aspek tadbir urus dan ciri-ciri keselamatan perkongsian data telah diambilkira dalam pembangunan modul tersebut.

Kebolehpasaran graduan sebenarnya juga bukan hanya menjadi tanggungjawab KPT semata-mata tetapi ia perlu menjadi satu isu bersama yang perlu ditangani oleh semua pihak sama ada Kementerian-kementerian, Jabatan dan Agensi, para akademia, pelajar mahupun di pihak industri sebagai entiti akhir yang akan menerima graduan-graduan yang dilahirkan oleh IPT.

Di peringkat KPT, Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025, dibangunkan dan akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Melalui empat (4) strategi, 13 inisiatif dan 31 aktiviti yang digariskan, Pelan ini akan menjadi panduan induk kepada IPT untuk memastikan kebolehpasaran graduan mereka kekal berdaya saing serta memenuhi keperluan industri.

Antara fokus yang ditekankan oleh Pelan ini adalah penerapan elemen kemahiran abad ke-21; dan *Future Ready Curriculum*



KEBOLEHPASARAN graduan bukan hanya menjadi tanggungjawab KPT semata-mata tetapi ia perlu menjadi satu isu bersama yang perlu ditangani oleh pihak bertanggungjawab termasuk industri sebagai entiti akhir yang akan menerima graduan-graduan dilahirkan oleh IPT.



Scan QR Code untuk saksikan video

atau Kurikulum Tersedia Masa Hadapan yang selari dengan keperluan industri kepada pelajar di IPT.

Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran-kemahiran yang telah dikenal pasti sebagai kemahiran penting yang perlu ada pada setiap graduan untuk memasuki alam pekerjaan seperti kemahiran literasi teknologi, maklumat dan komunikasi; kreativiti dan inovasi; ‘critical thinking’ dan sebagainya.

Manakala Kurikulum Tersedia Masa Hadapan pula merupakan struktur kurikulum yang bersifat organik dan fleksibel, yang menekankan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang transformatif serta membolehkan pentafsiran alternatif dilaksanakan

ke atas pelajar. Melalui pendekatan ini, kita yakin graduan yang lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan di masa hadapan dalam bidang masing-masing akan dapat dilahirkan oleh IPT.

Shaharuddin turut berharap graduan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja di industri, bukan hanya di peringkat tempatan bahkan di peringkat global.

“Adalah menjadi harapan saya dan KPT untuk melihat graduan-graduan yang dilahirkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi negara dapat memenuhi keperluan tenaga kerja di industri, bukan hanya di peringkat tempatan bahkan di peringkat global.

“Perkara ini tidak mustahil untuk dicapai. Dengan panduan yang disediakan melalui Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan yang dibangunkan ini dan kerjasama semua pihak sama ada di pihak kerajaan, industri, IPT, tenaga pengajar mahupun pelajar sendiri, Insyaallah, saya percaya kita akan mampu untuk hasilkan bakat-bakat yang berkualiti dan berpotensi tinggi.

“Kepada graduan yang masih lagi belum bekerja rebutlah peluang untuk mengikuti program-program peningkatan kemahiran yang ditawarkan oleh pelbagai agensi kerajaan untuk meningkatkan kompetensi diri anda. Yakinlah, usaha tanpa jemu anda pasti akan membawa hasil,” tambahnya. **W.K**



JobMatching@GREaT

“Industri Jejak Graduan”

JobMatching@GREaT merupakan suatu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi bagi melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan menggunakan teknologi terkini. Platform ini diperkenalkan untuk memudahkan pihak industri menjak graduan bagi menawarkan peluang pekerjaan yang bersesuaian bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran dan memperkuuhkan ekonomi negara. Ia melaksanakan pemadanan kekosongan jawatan di industri dengan data graduan di dalam Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) secara automatik mengikut kriteria yang ditetapkan.

Sila layari di sini untuk maklumat lanjut:

<https://jobmatching.mohe.gov.my>



Dibangunkan dengan kerjasama :

UUM
Universiti Utara Malaysia

MDEC
Driving Transformation

SSM
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Rumah Prihatin hantar bantuan ke Kedah

NAZIRUL ROSELAN

RUMAH Prihatin dan Sukarelawan Prihatin (Privo) melebarkan lagu sayapnya dan kini mula

memberikan bantuan di luar Wilayah Persekutuan.

Baru-baru ini, Rumah Prihatin dan Privo telah menghantarkan 1000 bungkus bakul makanan dan keperluan asas lain seperti telekung, sejadah dan lain-lain kepada mangsa kepala air di Merbok dan Jerai Kedah.

Seramai 30 sukarelawan

Privo Rumah Prihatin memberi bantuan di sana dan rombongan dilepaskan oleh Pengasas Rumah Prihatin, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Dengan bantuan yang disalurkan oleh Rumah Prihatin diharapkan dapat meringankan beban yang dialami oleh penduduk di sana. **W K**



ROMBONGAN Rumah Prihatin bergambar kenangan bersama penduduk dan pemimpin UMNO bahagian Jerai selepas selesai mengagihkan barang bantuan di sana.



Malaysia Prihatin, Bebas COVID-19



DEEL ANJER

SEMPENA sambutan Hari Kebangsaan atau kemerdekaan ke-64 pada 31 Ogos ini, tema Malaysia Prihatin Masih dikekalkan bersesuaian dengan cabaran pandemik COVID-19 yang sedang kita hadapi sekarang.

Malaysia Prihatin ini merujuk kepada keprihatinan serta komitmen tinggi kerajaan kepada rakyat dalam memerangi COVID-19 setelah hampir dua tahun wabak berkenaan membelenggu kita.

Walaupun rakyat Malaysia masih ‘berperang’ dengan COVID-19, itu bukan alasan untuk kita tidak menyambut hari keramat negara ini.

Bagi selebriti popular Nizam Laksamana, Ramlah Ram, Nad Zainal dan Baby Shima, hari kemerdekaan ini harus diraikan dengan cara yang bersesuaian dalam musim pandemik ini. **WK**

Nad Zainal ajak peminat ambil semangat tokoh penentang penjajah

NAD ZAINAL ajak peminat ambil semangat tokoh penentang penjajah.

Tanpa perjuangan dan tokoh-tokoh terdahulu, mana mungkin kita boleh menikmati keamanan hidup hari ini.

Sebut sahaja Mat Kilau, Abdul Rahman Limpong, Datuk Bahaman, Tok Janggut, Tok Gajah dan ramai lagi, ini adalah antara pahlawan yang sanggup bergadai nyawa demi memerdekaan negara kita.

Pelakon Nad Zainal adalah antara generasi muda yang sangat mengagumi pejuang-pejuang Melayu terdahulu.

“Semangat perjuangan

pahlawan Melayu menentang penjajah demi kemerdekaan negara satu masa dahulu perlu diterapkan dalam memerangi penularan wabak COVID-19.

“Sebagai rakyat, ambil semangat tokoh penentang penjajah dalam usaha menangani penularan wabak ini. Kita tidak boleh mengharapkan petugas barisan hadapan semata-mata.

“Prinsip perjuangan tokoh yang sama perlu kita terapkan dalam diri untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19 ini.

“Sebagaimana rakyat dan pemimpin bersatu menentang penjajah, begitulah juga kita harus bersatu dalam memerangi

COVID-19. Gunakan semangat yang sama,” luah Nad Zainal yang sangat menggemari sejarah.

Menurut Nad lagi, cara untuk menerapkan semangat kemerdekaan ini adalah dengan mengambil tahu kisah-kisah tokoh.

“Sekarang banyak cara untuk baca atau selami kisah tokoh-tokoh. Selain membaca daripada sumber yang sah, pengetahuan tentang mereka boleh dibantu dengan teknologi canggih,” jelas pelakon drama Hati Yang Tersakiti itu lagi. **WK**



NAD ZAINAL

Zahir sambutan kemerdekaan melalui media sosial - Baby Shima

SELEBRITI popular yang juga digelar ratu aplikasi *TikTok*, **Baby Shima**, 28, meminta rakyat Malaysia tidak melupakan sambutan Hari Kebangsaan yang ke-64



BABY SHIMA

walaupun negara dilanda wabak COVID-19.

“Hari bersejarah ini mesti dikenang kerana tanpa perjuangan orang-orang terdahulu kita tidak dapat mengecap keamanan negara yang sedang dinikmati sekarang.

“Gunalah teknologi yang ada untuk menyambut ulang tahun yang penuh bermakna ini walaupun dalam norma

baru dan perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

“Jika setiap hari kita banyak melayari media sosial untuk berhibur, tidak salah sekiranya ambil masa sedikit untuk hayati program-program berkaitan kemerdekaan.

“Misalnya buat *TikTok* menggunakan lagu-lagu bertemakan kemerdekaan seperti

Tanggal 31 Ogos, Bapak, Warisan, Negaraku dan banyak lagi.

“Saya tahu ramai remaja gemar menggunakan *TikTok*, jadi luahkan rasa cinta anda kepada negara menerusi aplikasi ini. Rekalah apa-apa kandungan selagi tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama,” luah Baby Shima yang berharap remaja tidak terkecuali untuk selami erti kemerdekaan

WK

Mendapatkan vaksin juga satu perjuangan - Ramlah Ram

MENJADI satu kebanggaan buat Malaysia apabila hampir keseluruhan rakyat mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mendapatkan vaksin COVID-19.

Buktinya apabila Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan telah mencapai lebih 80 peratus penduduk dewasa sudah divaksinasi.

Pelantun lagu Kau Kunci Cintaku, **Ramlah Ram** menganggap usaha rakyat untuk terus pulih dari wabak bahaya ini adalah satu perjuangan.

“Alhamdulillah...

kesedaran untuk mendapatkan vaksin juga satu perjuangan untuk kita merdeka dari COVID-19.

“Jika dulu sebelum negara mencapai kemerdekaan, tokoh-tokoh hebat menentang penjajah, kini kita semua berjuang untuk membebaskan negara dari cengkaman COVID-19.

“Inilah perjuangan yang mesti kita teruskan habis-habisan. Caranya adalah kita semua bersatu. Kerajaan dan rakyat saling berganding bahu memerangi COVID-19,” jelas Ramlah Ram yang popular dengan lagu Aku Ubatinya Lagi.

Menurut Ramlah, sambutan Hari Kebangsaan akan membangkitkan lagi semangat rakyat untuk menentang wabak ini yang diibaratkan sebagai penjajah.

“Perlunya sambutan ulang tahun hari kemerdekaan walaupun hanya dari rumah. Pelbagai pengisian yang boleh dimanfaatkan menerusi media cetak dan elektronik serta media sosial.

“Jadi, COVID-19 bukanlah halangan untuk kita tidak meraikan hari bersejarah ini,” tambahnya lagi. **WK**



RAMLAH RAM

Nizam Laksamana mahu orang ramai raikan merdeka dengan patuhi SOP

PENYANYI legenda, **Nizam Laksamana**, 55, yang popular dengan lagu Gugurnya Bunga Cinta menganggap Hari Kebangsaan seharusnya disambut walaupun rakyat masih dibelenggu dengan COVID-19.

Bagi Nizam, pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk meraikan hari keramat Malaysia setahun sekali ini.

“Apa pun yang berlaku, hari kemerdekaan negara harus disambut dengan cara tersendiri. Raikan merdeka dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan kerajaan.


“Misalnya menonton program merdeka menerusi televisyen atau media sosial dari rumah. Rasanya ia lebih bermakna

apabila dapat menghayati erti kemerdekaan bersama keluarga.

“Jika sebelum ini kita lebih suka menyambutnya di luar, pandemik COVID-19 membuatkan kita menyambutnya di rumah demi kebaikan semua,” jelas Nizam yang berharap rakyat bersatu padu tanpa mengira perbezaan faham politik.

Tambahnya, ribuan nyawa telah terkorban kerana COVID-19 dan ia cukup menyediakan apabila orang yang disayangi boleh ‘pergi’ dalam masa singkat.

“Jadi, sama-sama kita seluruh rakyat perlu bersatu dan tidak menyalahkan sesiapa bagi membebaskan diri daripada wabak ini secepat mungkin,” ujarnya lagi. **WK**



NIZAM LAKSAMANA

Pelaksanaan

Sistem e-Tanah, Hakmilik Strata dan penyeragaman cukai tanah WP Labuan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WP LABUAN

D I negara ini, pembangunan tanah adalah dikawal melalui undang-undang tanah dan juga undang-undang perancangan.

Undang-undang tanah yang diguna pakai dalam urusan pembangunan tanah termasuklah Kanun Tanah Negara, Akta Hakmilik Strata dan lain-lain.

Oleh itu segala pembangunan tanah yang dicadang yang dijalankan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak undang-undang tanah dan juga keperluan undang-undang perancangan.

Menyedari pentingnya pengurusan pengetahuan yang sistematis dalam pentadbiran tanah Malaysia, Pejabat Pengaroh Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan (PPTGWP) telah mengambil langkah ke hadapan dengan menyahut saranan Kerajaan dalam mengambil tempat bagi menambah baik sistem pentadbiran tanah untuk memudahkan pemilik-pemilik tanah dalam mendapatkan informasi, membuat pembayaran, semakan atau carian dan cetakan.

Demikian itu, terdapat beberapa pelaksanaan pengurusan dan pembangunan dalam pentadbiran tanah yang diperbaikan sistem pengurusannya dan diperkenalkan untuk kemudahan rakyat dalam mengurus urusniaga atau pun membangun pemberimilikan tanah.

PELAKSANAAN E-TANAH

Sistem e-Tanah adalah salah satu inisiatif Kerajaan untuk membangunkan sistem dan pengurusan pentadbiran

tanah yang bersepada melalui penggunaan komputer secara sepenuhnya.

Dengan menyediakan pelbagai kemudahan dalam pelaksanaannya, sistem e-Tanah memberikan pelbagai faedah kepada semua pelanggan yang berurusan dengan PPTGWP termasuk pemilik-pemilik tanah, pemajak tanah, bank-bank komersil, penyewa tanah persekutuan, firma guaman, pihak pemaju, pihak juruukur berlesen dan seluruh penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan secara amnya.

Antara kemudahan yang disediakan dalam sistem e-Tanah adalah perkhidmatan Kaunter SPOC (*single point of contact*), semakan dan pembayaran cukai tanah secara dalam talian, carian hakmilik persendirian secara dalam talian, permohonan urusan seperti pindah milik tanah, gadaian dan sebagainya secara dalam talian, carian daftar strata secara berkomputer, notifikasi status perserahan melalui auto e-mel dan notifikasi pertukaran pemilikan hartanah kepada Pihak Berkuasa Tempatan secara auto e-mel.


Kemudahan yang akan dilaksanakan ini bakal memberikan impak positif kepada pelbagai aspek dalam pengurusan dan pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Antaranya adalah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan kemudahan yang lebih mesra rakyat.

Dengan adanya perkhidmatan dalam talian, pihak pelanggan boleh mengakses maklumat dengan lebih mudah dan pantas selain memudahkan urusan pembayaran seperti bayaran cukai tanah.

Perkhidmatan ini juga memberikan kemudahan kepada pemilik-pemilik tanah di Wilayah Persekutuan Labuan yang berada di luar Wilayah Persekutuan Labuan untuk membuat pembayaran cukai tanah tanpa datang ke kaunter PPTGWP.

Kemudahan ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi



SISTEM e-Tanah adalah salah satu inisiatif Kerajaan untuk membangunkan sistem dan pengurusan pentadbiran tanah yang bersepada melalui penggunaan komputer secara sepenuhnya.

mengurangkan interaksi secara bersemuka yang amat disarankan selepas pandemik COVID-19 melanda dunia.

Penggunaan e-Tanah ini juga dapat mengurangkan karenah birokrasi dalam pengurusan dan pentadbiran tanah.

Dengan menyediakan perkhidmatan yang cekap dan efisien, urusan tanah yang dahulunya mengambil masa yang lama untuk diselesaikan kini dapat disingkatkan tanpa melalui pelbagai prosedur.

HAKMILIK STRATA

Hakmilik Strata kini begitu sinonim di Semenanjung Malaysia seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang dan Selangor.

Namun begitu, Hakmilik Strata masih baharu di Wilayah Persekutuan Labuan yang mula diperkenalkan pada tahun 2010 dan mula dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2020.

Secara ringkasnya, Hakmilik Strata merupakan hakmilik berasingan bagi setiap unit atau petak dalam bangunan dua (2) tingkat atau lebih yang dibina atas sebidang tanah yang sama dan berkongsi akses kemudahan bersama.

Hartanah berstrata ini selalunya merujuk kepada bangunan berbilang tingkat seperti flat, kondominium atau pun pangaspuri.

Dengan adanya pemilikan Hakmilik Strata ini, ia dapat menjamin setiap pemilik strata untuk digunakan sebagai bukti pemilikan bagi tujuan urusniaga contohnya, urusan pindah milik, gadaian, cagaran, pembahagian pusaka dan sebagainya yang mana selama ini pemilik-pemilik petak/unit bertingkat ini hanya menggunakan S&P (*Sales and Purchase Agreement*) sahaja sebagai bukti pemilikan.

Oleh itu, Hakmilik Strata

dan juga perkembangan ekonomi yang perlamban, sekali lagi Kerajaan telah menangguhan pengenaan cukai mengikut KKTWPL sehingga 1 Januari 2022.

Pelaksanaan ini perlu diimplementasikan demi memberi keadilan kepada pemilik-pemilik tanah yang telah membayar cukai mengikut kadar baharu dalam KKTWPL, memandangkan masih terdapat 7,610 hakmilik daripada 12,614 hakmilik yang masih membayar cukai dengan kadar lama dan 736 hakmilik yang tidak dikenakan cukai.

Kadar cukai tanah yang dikenakan mengikut KKTWPL adalah berdasarkan keputusan yang ditetapkan oleh Mesyuarat JKTWPL berpandukan kajian dan perbandingan kadar cukai di negeri-negeri lain yang setara dengan Labuan.

Berdasarkan kajian dan perbandingan, kadar cukai baharu yang akan dikenakan bagi hakmilik di Labuan adalah merupakan antara kadar paling rendah berbanding negeri-negeri lain termasuk Pulau Langkawi dan Pulau Pinang.

Adalah menjadi tanggungjawab pemilik-pemilik tanah untuk menjelaskan cukai tanah pada setiap tahun bagi mengelakkan bayaran denda dikenakan dan sekiranya berterusan akan menyebabkan tanah tersebut dilucut hak dan tanah kembali menjadi tanah kerajaan.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan di atas, seiring dengan arus pembangunan di Malaysia yang semakin deras pendigitalan dalam pelbagai urusan pentadbiran di Malaysia kini adalah tidak asing lagi.

Berikut dengan itu, pelbagai sistem pengurusan dan pentadbiran secara elektronik telah diwujudkan yang turut membawa kepada kelahiran sistem e-Tanah, pengenalan kepada Hakmilik Strata dan informasi berkaitan penyeragaman cukai tanah.

Akhir kata, jika rakyat berganding bahu, ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, usaha PPTGWP dalam memudahkan pengurusan pentadbiran tanah dengan menggunakan kemudahan teknologi seiring dengan arus pemodenan masa kini tercapai dan dapat membantu penduduk Wilayah Persekutuan Labuan dengan lebih proaktif.



PELAKSANAAN sistem e-Tanah bakal dilancarkan pada Oktober 2021 di Putrajaya dan Labuan.

Sambut Merdeka Seha-Tea Sejiwa bersama Chatime



SABRINA SABRE

APAKAH erti sebenar Merdeka? Ya, kita semua tahu sejarah di sebaliknya, tetapi kemerdekaan dalam erti sebenarnya membawa maksud yang lebih mendalam. Sebagai sebuah bangsa yang menyambut pelbagai sambutan perayaan dengan konsep kebersamaan dan kekeluargaan, erti kemerdekaan ini sama tarafnya dengan sambutan perayaan lain yang amat bermakna di hati rakyat Malaysia. Ianya juga sinonim dengan keramahan, senyuman dan kebersamaan yang dirasai melalui hidangan makanan dan minuman yang pastinya memikat selera. Inilah pendorong utama di

sebalik pengenalan terbaharu minuman istimewa Merdeka Seha-Tea Sejiwa oleh Chatime iaitu Cendol Milk Tea, ABC Milk Tea dan Lai Chee Kang Tea, bersempena dengan sambutan hari terpenting dalam sejarah negara kita.

Bercakap mengenai sambutan Hari Kemerdekaan 2021, Pengarah Urusan Kumpulan Chatime Malaysia, Aliza Ali berkata, "Selama 64 tahun, rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, kepercayaan maupun keturunan, sama-sama berkongsi saat-saat kegembiraan merayakan Hari Kemerdekaan dengan bertemankan hidangan makanan dan minuman di kedai kopi, restoran, kopitiam dan sebagainya. Walaupun keadaan kini tidak memungkinkan untuk kita bertemu seperti sebelumnya, ianya tidak akan mematahkan seman-

gat nasionalisme dan kesatuan di antara rakyat Malaysia. Semangat persahabatan dan kekeluargaan akan memastikan maksud sebenar Merdeka tidak pernah luntur di mana jua kita berada."

"Bagi mengamit kembali semangat kebersamaan ini, hanya untuk waktunya terhad, kami telah menyediakan tiga minuman khas bersempena dengan Merdeka, berinspirasi dari Cendol, ABC dan Lai Chee Kang. Cita rasa kegemaran rakyat Malaysia ini tentunya dapat mengembalikan saat-saat nostalgia berkongsi waktu bahagia bersama keluarga dan rakan dalam suasana gembira dan gelak tawa."

Widayu Latiff, Pengarah Eksekutif Chatime Malaysia pula berkata, "Rakyat Malaysia sentiasa diwarnai dengan kepelbagaiaan dan satu perkara yang menyatukan kita semua,

ialah melalui makanan dan minuman kegemaran semua. Inilah inspirasi di sebalik pengenalan pada saat kebersamaan dan kegembiraan yang dialami bersama, tetapi juga dengan semangat kental berdasarkan apa jua rintangan dan cabaran yang mendatang, kita akan hadapi dan atasnya bersama. Inilah pengertian di sebalik tema Hari Merdeka Chatime bagi tahun ini iaitu Seha-Tea Sejiwa."

Minuman istimewa Merdeka Seha-Tea Sejiwa oleh Chatime iaitu Cendol Milk Tea, ABC Milk Tea dan Lai Chee Kang Tea boleh didapati di semua cawangan Chatime seluruh negara, untuk waktunya terhad bersempena dengan bulan Kemerdekaan ini. Dapatkan minuman anda hari ini.

WK



Amal pemakanan sihat agar kekal bertengah sepanjang tempoh berada di rumah

DENGAN saranan kerajaan untuk kekal berada di rumah yang menyulitkan untuk kita keluar bersenam dan jadual sehari yang padat, pasti ada yang berasa tertekan dan gusar. Namun, ia sebenarnya mudah untuk meningkatkan penjagaan kesihatan serta kekal bertengah sepanjang hari dari rumah. Syaratnya, pengamalan gaya pemakanan yang baik dan pengambilan nutrisi dalam jumlah yang sesuai dengan keperluan badan.

Misalnya, pengambilan protein dalam jumlah yang disarankan adalah penting untuk memastikan kehidupan yang sihat, kerana ia merupakan komponen penting dalam setiap sel badan kita, termasuk otot, organ, kulit, serta penghasilan hormon. Ia juga berperanan membantu badan membina otot, kekuatan dan tenaga. Justeru, pengambilan protein yang mencukupi amatlah penting untuk memastikan fungsi badan anda berjalan dengan lancar.

Berikut merupakan beberapa perubahan yang anda boleh lakukan ke arah amalan pemakanan yang lebih sihat:

• Pastikan anda kekal hidrasi

Hidrasi sangat penting untuk badan, dengan beberapa kajian menunjukkan pengambilan air dapat memaksimumkan prestasi fizikal, fungsi otak serta membantu penurunan berat badan. Pakar kesihatan biasanya mengesyorkan pengambilan 2 hingga 3 liter air sepanjang hari. Selain itu, minum air juga merupakan cara yang baik untuk mengurangkan tabiat makanan ringan dan menghindari minuman yang tinggi

gi kandungan gula dan kalori, yang boleh mengakibatkan kenaikan berat badan dan masalah kesihatan lain.

Apa yang harus dimakan: Buah-buahan dan sayur-sayuran yang tinggi kandungan air seperti tembakai, saderi, timun, daun salad dan tomato.

• Makanan pembekal tenaga dalam kuantiti kecil sepanjang hari

Berbanding dengan pengambilan 3 hidangan besar sehari, pengambilan 5-6 hidangan bersaiz kecil dapat membekalkan tubuh badan dengan tenaga yang diperlukan sepanjang hari. Dengan corak aktiviti dan pencernaan baharu, bantu badan anda menyesuaikan diri melalui pengambilan makanan yang kerap. Amalkan pengambilan snek yang sihat,

rendah kalori serta tinggi kandungan serat dan protein. Ini bukan sahaja membantu badan menurunkan berat dengan mengawal rasa lapar, tetapi juga menstabilkan gula darah dan membuatkan anda berasa kenyang lebih lama. Sekiranya anda mengambil makanan pra-bungkus atau suplemen, pastikan anda membaca label untuk memastikan ia mengandungi nutrisi sebenar dan bukannya gula berlebihan atau bahan-bahan tambahan lain.

Apa yang harus dimakan: Telur rebus, yogurt biasa atau 'Greek yogurt', dan kekacang seperti edamame, badam, biji labu dan biji chia.

• Bersenam dan kekal bertengah dengan nutrien serta protein yang betul untuk memelihara kesihatan otot

Otot adalah penting untuk tugas fizikal harian. Peliharalah kesihatan otot melalui pengamalan aktiviti senaman dengan rutin senaman ringan dan ringkas untuk membiasakan tubuh bergerak aktif seperti lompatan di titik asal, yoga ringan, atau menerapkan HIIT (Latihan Selang Intensiti Tinggi). Untuk meningkatkan manfaat senaman, pakar mengesyorkan pengambilan 15 hingga 30 gram protein dalam tempoh 45 minit selepas aktiviti, di samping menerapkan pengambilan buah-buahan segar, sayur-sayuran, biji-bijian, dan minyak sihat.

Apa yang harus dimakan: Ketulan ayam tanpa kulit, tauhu atau tempeh, kacang tanah atau mentega badam, bar protein atau 'protein shake' seperti

Ensure® Max Protein yang mengandungi 30g protein setiap hidangan.

• Tingkatkan pengambilan protein seiring peningkatan usia

Disebabkan kita mula kehilangan jisim otot secara semula jadi apabila mencecah usia 40 tahun - kira-kira lapan peratus daripada keseluruhan jisim otot setiap dekad - maka amat penting untuk kita mengambil protein yang mencukupi seiring peningkatan usia. Dikenali sebagai 'sarcopenia', kehilangan jisim otot berkaitan usia ini merupakan bahagian semula jadi proses penuaan. Pastikan anda menerapkan makanan yang tinggi protein seperti ayam, makanan laut, telur, kekacang atau tenusu dan sasarkan pengambilan sekitar 25-30 gram untuk setiap hidangan.

Apa yang harus dimakan: Ikan putih seperti kerapu, tilapia dan tuna, kacang dan lentil. Selain itu, 'protein shake', seperti Ensure® Max Protein dari Abbott merupakan pilihan baik untuk orang dewasa yang tidak mampu mendapatkan protein mencukupi melalui makanan harian semata-mata, atau memerlukan pilihan mudah yang boleh dinikmati pada bila-bila masa.

Seiring dengan peningkatan usia dan perubahan gaya hidup, apa yang anda makan dan lakukan hari ini bakal memberikan kesan seumur hidup pada kesihatan anda. Dengan minuman protein sedia diminum seperti Ensure® Max Protein, makn mudah untuk kita mengorak langkah pintar dalam corak pemakanan sehari-hari. WK



Dana Pendidikan RM1juta pupuk budaya menabung

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi (PTPTN) dengan kerjasama Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) telah menganjurkan Peraduan Dana RM1 juta Harapan dalam usaha memupuk budaya menabung di awal usia.

Menurut kenyataan PTPTN itu, peraduan itu menyediakan hadiah berjumlah RM1 juta dan ia adalah tajaan sepenuhnya oleh pihak DLMI.

"Peraduan yang telah diadakan pada 5 April 2021 sehingga 30 Mei 2021 lalu menyediakan hadiah berjumlah RM1 juta dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

"Setiap pemenang menerima

RM25,000 melibatkan 40 pemenang. Nilai hadiah yang ditawarkan ini adalah tajaan sepenuhnya oleh pihak DLMI," jelas kenyataan tersebut.

Tambahnya PTPTN dan DLMI pertama kali menjalankan kerjasama strategik pada tahun 2021 dalam menggalakkan ibu bapa menyediakan tabungan pendidikan anak-anak sejak kecil di samping memberikan panduan kepada ibu bapa

memilih susu formula dengan nutrisi lengkap untuk si kecil.

Pihaknya turut berharap peraduan ini dapat membantu masyarakat Malaysia memupuk budaya penabungan khususnya bagi tujuan pendidikan untuk masa hadapan yang lebih cerah.

Dalam pada itu, PTPTN turut mengalau-alukan penglibatan agensi Kerajaan dan syarikat korporat untuk menjadikan SSPN-i sebagai pemberian hadiah dan sebagainya.

"Dalam usaha untuk menjadi peneraju tabung pendidikan tinggi negara, PTPTN sentiasa mengalau-alukan penglibatan agensi Kerajaan dan syarikat korporat



untuk menjadikan SSPN-i sebagai pilihan utama sebagai pemberian hadiah, insentif atau sumbangan melibatkan program, anugerah, kempen dan peraduan.

"Ini kerana SSPN-i merupakan produk simpanan terbaik dengan menawarkan pelbagai keistimewaan seperti manfaat pelepasan taksiran cukai, dividen yang kompetitif, perlindungan takaful secara percuma, simpanan dijamin kerajaan dan skim ini patuh syariah," katanya menerusi satu kenyataan media.

PTPTN turut mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan senarai pemenang Peraduan Dana RM1 juta Harapan boleh diperolehi melalui laman sesawang <https://www.smartmoments.com.my/ms/dana-sejuta-harapan/> dan para pemenang boleh membuat semakan berkenaan wang tunai yang dimenangi di penyata SSPN-i melalui portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my.

WK



PERADUAN itu bertujuan memupuk nilai dan sikap suka menabung dalam kalangan kanak-kanak sejak kecil untuk jaminan pendidikan di masa hadapan.

Pertandingan mewarna bersama keluarga



Belia diseru hayati semangat kemerdekaan negara

Kompetitif hadapi cabaran masa depan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

GOLONGAN belia masa kini perlu bersifat kompetitif dan mempunyai ilmu bagi menghadapi cabaran yang terbuka di masa hadapan.

Menurut Ahli Dewan Negara, Senator **Datuk Bashir Alias**, para belia perlu dibekalkan dengan pelbagai ilmu yang berguna bagi mendepani cabaran membangunkan Negara.

"Kalau ingin melihat kemajuan Negara kita di masa hadapan lihatlah belia pada zaman ini, tanamkan ilmu-ilmu yang berguna kepada belia seperti ilmu perniagaan, kepimpinan dan sebagainya bagi melahirkan generasi belia yang bermutu.

"Masa depan menjanjikan

cabaran yang begitu besar dengan kepesatan teknologi komunikasi yang moden kita bukan hanya bersaing di dalam Negara malah ke peringkat antarabangsa, para belia perlu bersedia dengan ilmu agar mampu bersaing serta menempuh cabaran masa depan," katanya semasa berucap pada Program Agihan Bakul Makanan Belada dan Merdeka@Komuniti anjuran bersama Persatuan Belia Kampung Sungai Lada dan Jabatan Penerangan Labuan, di Dewan Komuniti Kampung Sungai Lada, baru-baru ini.

Beliau turut menyeru persatuan-persatuan belia agar sentiasa berhubung dengan agensi-agensi lain bagi mencari peluang meningkatkan ilmu serta kemahiran para belia tempatan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Penerangan (JaPen) Labuan, Supian Musa berkata, para belia perlu menghayati semangat kemerdekaan Negara



PENYERAHAN bakul makanan disempurnakan oleh Bashir.

yang sebenar.

"Para belia perlu memerdekakan pemikiran mereka daripada sebarang unsur yang negatif, belia perlu bebas daripada pemikiran yang menghalang diri mereka dari

pembentukan Negara ini, kita perlu kekal dengan acuan yang sederhana dan tidak melampau dalam menyuarakan pandangan serta kritikan," katanya semasa menyampaikan ucapan aluan.

Supian turut merakamkan penghargaan kepada Persatuan Belia Kampung Sungai Lada (Belada) yang menjadikan JaPen sebagai rakan strategik dalam menggelorakan semangat cintakan negara sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini.

Pada program itu, sebanyak 40 bakul makanan disumbangkan kepada beberapa pertubuhan belia dan penduduk kampung Sungai Lada selain edaran bahan penerbitan JaPen kepada penduduk kampung.

Hadir sama Ketua Kampung Sungai Lada, Jali Mumin, Presiden Majlis Belia Labuan, Abdul Mutualib Sahari dan Pengurus Belada, Faridzuan Abdul Harah. **WK**



BASHIR (tiga dari kanan) merasmikan larian para atlet membuat Merdeka Flag Run di sekitar bandar Labuan.

Penganjuran 'Merdeka' Flag Run semarakkan Hari Kebangsaan

BAGI menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan, Perbadanan Labuan (PL) bekerjasama dengan Jabatan Penerangan Labuan dan Majlis Sukan Labuan menganjurkan program 'Merdeka Flag Run 2021'.

Program itu melibatkan seramai 12 atlet yang melakukan larian dengan membawa Jalur Gemilang mengelilingi di sekitar Bandar Labuan yang membabitkan empat 'check point' iaitu Wisma Perbadanan, Terminal Feri Antarabangsa Labuan, Pasar Sentral dan susur jalan keluar Milimewah.

Pengerusi Ahli Majlis Penasihat PL, Senator **Datuk Bashir Alias** berkata, program itu diadakan bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan di peringkat Labuan.

"Ini adalah satu pengisian yang amat baik meskipun dalam keadaan pandemik ada juga usaha atau pengisian bagi mengingati Hari Kebangsaan ini," katanya.

Beliau berkata sedemikian selepas merasmikan Program Merdeka Flag Run 2021 di Perkarangan Bangunan Wisma Perbadanan Labuan di sini, pada Ahad.

Bashir yang juga Ahli Dewan Negara berkata, program itu turut dapat menaikkan semangat patriotisme dan cintakan tanah air di kalangan rakyat khususnya warga Labuan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PL Rithuan Mohd Ismail, Ketua Polis Labuan Superintedan Ahmad Jawila, Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Labuan Hafiez Daud, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan Dzulfazal Ab Manan dan Pengarah Jabatan Penerangan Labuan Supian Musa. **WK**

1,200 benih ikan siakap dilepaskan di Sungai Kina Benua

DALAM memastikan kelestarian sumber perikanan darat di Pulau Bebas Cukai ini terjamin, Jabatan Perikanan Labuan mengambil inisiatif melepaskan sebanyak 1,200 benih ikan siakap di Sungai Kina Benua.

Pengaruhnya, **Faizal Ibrahim Suhaili** berkata, pelepasan benih ikan itu bertujuan untuk memulihara kelestarian sumber perikanan darat.

Katanya, dengan usaha yang dilaksanakan itu turut memberikan impak positif kepada para nelayan di Labuan kerana ia mampu meningkatkan sumber pendapatan mereka.

"Kita memilih Sungai Kina Benua disebabkan keadaan perairan di sini mempunyai ekosistem dan habitat yang sesuai dan ia terhindar dari unsur pencemaran terutamanya kawasan hulu sungai yang mana terdapat pelbagai aktiviti peladangan, perkilangan, perumahan dan sebagainya.

"Sebagaimana yang kita ketahui, Sungai Kina Benua ini adalah kawasan aktif dengan aktiviti penangkapan ikan dan ianya adalah tempat habitat pembiakan semula jadi," katanya kepada pemberita di Majlis Pelepasan Benih Ikan Siakap di Sungai Kina Benua di sini yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias, pada Rabu lalu.

Sementara itu, Bashir menzahirkan penghargaan kepada Jabatan Perikanan kerana melaksanakan program itu bagi memastikan kelestarian perairan darat terjaga.

"Ini adalah satu usaha untuk membantu nelayan-nelayan di sini kerana sebelum ini jumlah ikan yang ada di perairan Labuan semakin berkurangan. Dengan adanya inisiatif ini ianya mampu meningkat semula jumlah ikan di perairan di sini dengan melepaskan benih ikan," katanya lagi. **WK**



BASHIR (tiga dari kanan) menunjukkan bungkus plastik yang mengandungi benih ikan siakap untuk dilepaskan di perairan Sungai Kina Benua.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Serah tablet percuma, manfaatkan pelajar asnaf sekitar Kampung Bharu

SYAHIDI BAKAR

MENYEDARI kekangan yang dihadapi oleh pelajar asnaf mengikuti pembelajaran dari rumah (PdPR) mendorong Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) menjayakan inisiatif murni memberi tablet percuma kepada golongan memerlukan.

Bagi Pengerusi PKB, **Datuk Affendi Zahari**, usaha yang diambil melalui Program Penyerahan Tablet Percuma kepada 10 pelajar dalam kategori asnaf di sekitar Kampung Bharu itu, adalah sebahagian peranan entiti di dalam memperkasa anak bangsa yang berpendidikan seiring urbanisasi negara.

Beliau berkata, penggunaan tablet dalam proses pembelajaran semasa amat diperlukan malahan gajet tersebut merupakan medium penghubung penting pelajar dengan guru terutamanya dalam situasi penularan pandemik COVID-19 ketika ini.

"Jadi, atas rasa prihatin dan ehsan kami terhadap anak-anak ini untuk mengikuti sesi pembelajaran dengan sempurna, maka usaha ini dilaksanakan segera dengan keutamaan pelajar asnaf di sini."



AFFENDI Zahari ketika hadir menyerahtakan tablet percuma kepada salah seorang daripada pelajar terpilih di Kampung Bharu. Turut kelihatan, Azizulrahman (kiri).

"Alhamdulillah inisiatif prihatin dan murni PKB ini turut dapat sokongan Kelab Pemuda Kampung Bharu, kerana peranan mencerdikkan anak bangsa perlu digalas bersama demi kemajuan rakyat dan negara," katanya yang turut menyerahtarkan tablet kepada pelajar di Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

Serahan dari rumah ke rumah dengan patuh SOP turut disertai oleh Pengerusi MPPWP Parlimen Titiwangsa, Datuk Azizulrahman Mohd Hussain Malim selain

Timbalan Presiden PKB, Adi Wafri Shahrudin dan juga Setiausaha Kelab Pemuda Kampung Bharu, Akmaluddin Abdul Hadi.

Objektif utama program tersebut bagi membantu pelajar-pelajar golongan asnaf di Kampung Bharu untuk mengikuti sesi pembelajaran secara *online* dari rumah setelah kerajaan terpaksa tangguhkan persekolahan secara bersemuka bagi mengelak penularan pandemik COVID-19.

Program serahan bermula



SESI serahan tablet percuma kepada 10 pelajar dibuat dari rumah ke rumah memberi ruang menjalin ukhuwah.

sekitar 11 pagi hujung minggu itu, menjadi ruang pertemuan interaktif untuk warga pengurusan PKB dengan penduduk setempat di Kampung Bharu, menjalin ukhuwah di samping mendekati kehidupan satu sama lain.

Mengulas lanjut Affendi berkata, sesi penyerahan tablet percuma kepada 10 pelajar asnaf terpilih, adalah tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi PKB sebagai entiti dilantik sebagai perantara bagi pelaksanaan pembangunan Kampung Bharu.

"Secara keseluruhan, lebih sejam kami luangkan masa menyantuni 10 pelajar bersama keluarga mereka dengan berkunjung dari rumah ke rumah di sekitar Kampung Bharu.

"Saya secara peribadi terharu dan bersyujur atas penerimaan baik setiap penerima tablet ini yang rata-rata memerlukan untuk pembelajaran. Jadi, semoga sumbangan ini menjadi lonjakan terbaik untuk anak-anak ini belajar bersungguh-sungguh dan berjaya di masa hadapan," ujarnya. **W.K**

MCCC rintis kerjasama agensi, raikan sambutan Hari Kebangsaan ke-64

BERTEPATAN semangat kebangsaan dan berjiwa merdeka, satu inisiatif kerjasama berjaya dirintis Malaysia Community Crime Care (MCCC) dengan pelbagai agensi bagi menyemarakkan lagi aktiviti menjelang sambutan kemerdekaan tahun ini.

Hasilnya, enam institusi meliputi agensi kerajaan, swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mengambil bahagian pada program Pemasangan Bendera Malaysia dan Zikir Munajat yang dianjur MCCC sempena Hari Kebangsaan ke-64 itu.

Inisiatif yang diambil kata Presiden MCCC, **Tan Sri Musa Hassan**, bertujuan menyemarak semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat yang kini berdepan ancaman COVID-19, perlu bangkit dan bersama menentang wabak membunuh itu.

Beliau berkata, budaya bersatu padu diamal oleh pelbagai kelompok rakyat selama ini perlu segera digembung untuk melawan pandemik COVID-19 seterusnya memenangkan Malaysia.



MUSA Hasan memasang bendera pada salah sebuah kendaraan yang melalui kawasan program yang diadakan oleh MCCC di sekitar Cheras, baru-baru ini.

"Memandangkan negara bakal menyambut Hari Kebangsaan Ke-64 tanggal 31 Ogos ini di dalam keadaan diancam COVID-19 yang masih catatkan kes jangkitan tinggi, maka MCCC menyeru rakyat bersama memerdekakan negara daripada wabak, melalui cara penyataan kibarkan jalur

gemilang.

"Hasil sambutan positif rakan pengajur Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan, SWCorp serta Kontraktor Alam Flora, Pejabat DBKL Parlimen Cheras dan MAPIM, objektif program ini tercapai terima kasih semua terlibat jayakan program ini,"



SELAIN memasang bendera pada kendaraan, program yang sama turut mengagihkan kira-kira 1,000 bendera kepada orang ramai di kawasan sekitar.

katanya selepas sesi memasang dan mengedarkan 1,000 bendera kepada orang awam di Cheras.

Selain Pemasangan Bendera Malaysia di sebelah pagi, 21 Ogos lalu, sesi malamnya pula diadakan Zikir Munajat berlangsung di Masjid Al-Mukhlisin, Alam Damai. Program berbentuk keagamaan

itu bermula tepat pukul 9.30 malam dan turut dipancarkan secara live di Facebook MCCC dengan sambutannya daripada orang ramai amat memuaskan termasuk dihadiri barisan artis tanah air seperti Ibnu Riza, Hail Amir, Razif Ismail, Hasnol, Aan Kumpulan Ways. **W.K**



Soalan
A SSALAMUALAIKUM wbt, SS Mufti. Apakah kita dituntut untuk memelihara bendera negara?

Jawapan

Waalaikumussalam wbt. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kepada ahli keluarga baginda, para sahabat serta mereka yang setia mengikuti perjuangan baginda sehingga hari Kiamat.

Dalam bahasa Arab dan sejarah Islam, terdapat beberapa nama yang masyhur sebagai istilah yang menunjukkan makna bendera. Antaranya al-Liwa', ar-Rayah, al-'Alam dan al-'Uqab.

Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani berkata: al-Liwa', al-Rayah dan al-'Alam adalah satu perkara dengan sebutan berbeza.

Beliau berkata: "Al-Liwa' dengan huruf lam yang dibaca kasrah dan waw panjang adalah ar-Rayah (bendera) dan disebut juga dengan al-'Alam."

Ia menjadi simbol dan memberi makna sesebuah negara, negeri, blok, pasukan, jabatan atau lain-lain.

Ia sentiasa dikibarkan bagi menunjukkan kedaulatan dan penguasaan negara tersebut pada satu-satu tempat.

Antara hadis dan athar yang menggambarkan tentang bendera dan panji pasukan perang semasa zaman Nabi SAW ialah, daripada Ibn 'Abbas R.Anhuma, katanya:

Maksudnya: "Bendera (Liwa) Rasulullah SAW berwarna putih, dan panjinya (Rayah) berwarna hitam."

Riwayat Al-Hakim (2506)

Syeikh Abdul Hayyi al-Kattani menjelaskan rahsia bahawa jika suatu kaum berhimpun di bawah satu panji/bendera, itu bererti panji/bendera itu menjadi tanda kesatuan pendapat mereka

Tanggungjawab rakyat terhadap bendera negara



PEPERANGAN Mu'tah menunjukkan bagaimana Ja'far bin Abi Talib R.A menjaga dan mempertahankan bendera walaupun kedua-dua belah tangannya ditetak.

(ijtima'i kalimatihim) dan persatuan hati mereka (ittihadi qulubihim). Dengan demikian mereka bagaikan satu tubuh.

Kami nyatakan di sini antara tanggungjawab yang perlu dimaikan oleh rakyat sesebuah negara terhadap Bendera Kebangsaan masing-masing:

1. Mempertahankannya dari dijatuhkan atau dihina.

Sejarah peperangan dalam Islam jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengurnikan bendera kepada panglima atau ketua pasukan.

Mereka menganggap amanah yang cukup besar yang wajib dipertahankan dan tidak boleh dijatuhkan oleh pihak musuh atau dihina.

Peperangan Mu'tah menunjukkan bagaimana Ja'far bin Abi Talib R.A menjaga dan mempertahankan bendera walaupun kedua-dua belah tangannya ditetak, namun tetap mempertahankan bendera dengan tungkul tangan yang

berbakti.

Syeikh Sofiyurrahman al-Mubarokfuri menyebut: Setelah Zaid bin Harithah menemui syahid, panji Islam terus diambil oleh Jaafar bin Abi Talib.

Beliau juga tidak kurang hebatnya dari Zaid bin Harithah, hingga apabila beliau terasa berat berperang dengan kuda, beliau melompat dari kudanya yang berwarna perang itu lantas disembelihnya.

Kini beliau bertempur di bawah, hingga apabila tangan kanannya terputus maka panji Islam itu dipegang dengan tangan kirinya, dan setelah tangan kirinya terpotong pula, lalu diapit bendera itu dengan dua belah lengannya.

Dengan keadaan begini beliau terus menjulang bendera Islam hingga beliau gugur syahid.

Ada pula pendapat mengatakan yang beliau telah ditetak oleh seorang tentera Rom sehingga terputus dua, dan kemudian Allah

menggantikannya dengan dua sayap yang membolehkan beliau terbang di dalam syurga Allah, ke mana sahaja yang dia mahu.

Kerana itu beliau dikenali sebagai Ja'far al-Tayyar dan Jaafar Zu al-Jannah (yang mempunyai dua sayap).

Al-Bukhari meriwayatkan dari Nafi' bahawa Ibn Umar R.Anhuma telah menceritakan kepadanya semasa beliau mendapati Jaafar telah syahid, pada tubuhnya terdapat kesan-kesan pukulan dan tikaman sebanyak lima puluh liang, tidak ada satu pun di sebelah belakangnya.

Di dalam satu riwayat yang lain kata Ibnu Umar: Aku bersama mereka di dalam peperangan berkenaan.

Kami mencari Jaafar dan kami dapat beliau di antara yang terbunuh syahid.

Kami melihat pada jasadnya lebih sembilan puluh liang tikaman dan tetakan yang telah disebut dalam riwayat al-Umri dari Nafi'.

Dan kami telah mendapat kesemuanya itu dari sebelah hadapan jasadnya.

Ketika Jaafar gugur syahid selepas pertarungan yang sengit itu maka bendera Islam lantas disambar oleh Abdullah bin Rawahah.

Kemudian beliau pun terus memecut kudanya mara ke hadapan. (Lihat al-Rahiq al-Makhtum, hlm. 275-276)

2. Memacahkan bendera pada tempat yang tinggi.

Pembukaan kota Konstantinopel oleh Sultan Muhammad al-Fateh pada tahun 1485 Masihi bersamaan 857 Hijrah berjaya selepas hampir 54 hari dikepung.

Akhirnya panglima tentera Turki, Hasan Ulubatli telah memacak bendera di tembok tertinggi kerajaan Konstantinopel sekali gus menyemarakkan lagi semangat tentera Uthmaniyyah dalam mentahqiqkan hadis Nabi SAW yang berbunyi:

Maksudnya: "Sesungguhnya Konstantinopel akan dibukakan. Sebaik-baik pemerintah ialah pemerintah yang membukanya dan sebaik-baik tentera ialah tentera pemerintah itu."

Riwayat Ahmad (18957)

3. Menggantikan bendera yang lusuh dengan yang baru.

Bendera merupakan lambang sesebuah negara yang perlu dihormati. Makanya bendera yang lusuh, carik, rosak dan koyak akan menunjukkan rakyat yang kurang prihatin terhadap lambang negara iaitu bendera yang sebenarnya bukti kasih dan cinta kita kepada negara.

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah diberi kefahaman yang jelas dan perlu mengubah sikap serta mentaliti berkenaan dengan Jalur Gemilang yang menjadi lambang identiti negara tempat tumpah darah kita.

Adalah tidak wajar untuk mengambil mudah dan enteng perihal menjaga martabat identiti negara seperti bendera kebangsaan dan juga lagu kebangsaan.

Semoga Malaysia sentiasa aman dan masyarakatnya berpadu erat dalam membangun ke arah kegemilangan.

Marilah sama-sama kita kibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Merdeka pada tahun ini dengan lebih gah dan izzah.

Wallahu'lam.

JAKIM tawar biasiswa kepada 232 pelajar

SERAMAI 232 pelajar menerima penajaan biasiswa di bawah Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang dikhushuskan untuk pelajar huffaz al-Quran, tahun ini dengan nilai tajaan RM3.33 juta.

Ketua Pengarah Jakim **Datuk Abdul Aziz Jusoh** berkata tajaan itu melibatkan empat pelajar di peringkat doktor falsafah, lapan di peringkat sarjana, 188 pelajar sarjana muda dalam negara, manakala selebihnya pelajar Malaysia di universiti luar negara di Mesir, Jordan dan Indonesia.

Beliau berkata pelajar yang mendapat tajaan itu terdiri daripada pelbagai bidang pengajian antaranya qiraat, pengajian Islam,

perubatan, farmasi, kejuruteraan dan pendidikan.

"Bukan senang untuk mendapat tajaan ini, pelajar perlu melalui proses saringan syarat akademik dan temuduga. Jadi yang berjaya, sudah pasti sangat cemerlang akademiknya dan menguasai hafazan al-Qurannya," katanya dalam Majlis Amanat Ketua Pengarah Jakim Bersama Pelajar Baru Tajaan SPH 2021 secara maya pada Selasa.

Menurutnya, SPH yang diwujudkan sejak 2012 untuk membantu pelajar huffaz al-Quran 30 juzuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, telah menaja seramai 1,177 pelajar dengan melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM62 juta.

Abdul Aziz dalam pada itu berkata kerajaan sentiasa peka dan meneliti semua aspek bagi memastikan bidang tahfiz di negara ini termasuk berkaitan kualiti, keberhasilan, prospek masa depan, tadbir urus dan kewangan.

Beliau berkata bilangan sekolah atau institusi pengajian tahfiz swasta dan persendirian yang semakin bertambah dari tahun ke tahun membuatkan kerajaan merasakan perlu kepada satu sistem untuk mengawal selia kualiti dan kebijakan keluaran pusat-pusat tahfiz.

"Kerajaan berusaha untuk mengarusperdanakan aliran tahfiz dalam sistem pendidikan negara. Menjadikan pusat tahfiz sebagai satu daripada pilihan utama pelajar



PUSAT tahfiz merupakan pilihan utama pelajar dan ibu bapa, bukan lagi sebagai tempat atau pilihan ketiga selepas anak-anak kecundang di sekolah aliran perdana.

jar dan ibu bapa, bukan lagi sebagai tempat atau pilihan ketiga selepas anak-anak kecundang di sekolah aliran perdana.

"Pusat tahfiz perlu dipandu untuk membentuk hala tuju mela-

hirkan huffaz yang serba boleh dan melahirkan pimpinan generasi akan datang," katanya yang memaklumkan sebanyak 1,483 institusi tahfiz telah berdaftar di seluruh negara setakat ini.

Komuniti Putrajaya lepas 'gian' di taman awam



AINI MAWAWI

LEBIH tiga bulan taman rekreasi awam ditutup sekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, kini ia kembali dibuka kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah bermula 16 Ogos lalu.

Tinjauan Wilayahku di sekitar Putrajaya yang masih berada di bawah Fasa 1 Pelan Pemuliharaan Negara (PPN), rata-rata komuniti Putrajaya gembira apabila dapat beriadah biarpun perlu mengamalkan prosedur operasi standard (SOP).

Pun begitu, pembukaan taman-taman tersebut masih tertakluk kepada aktiviti yang boleh dilakukan secara individu seperti jogging, berbasikal dan bersenam sahaja selari dengan SOP sukan dan riadah dalam Fasa 1 PPN.

Putrajaya mempunyai 13 taman-taman awam yang sering dikunjungi ramai antaranya Taman Botani, Taman Wetland, Taman Saujana Hijau dan

Taman Rimba Alam.

Di Taman Botani, salah seorang pengunjung, **Norafidah Abdul Halim**, 37, berkata, kelonggaran yang diberikan itu adalah saat-saat yang ditunggu kerana dapat melihat suasana kehijauan setelah sekian lama duduk terperap di dalam rumah.

"Apabila kerajaan mengumumkan kelonggaran ini, saya terus ambil peluang bersiar-siar di taman sambil beriadah seketika. Duduk dalam rumah lama-lama pun boleh mengundang tekanan," ujarnya kepada Wilayahku.

Sementara itu, bagi pengunjung Taman Saujana Hijau, **Nazlinda Nazri**, 28, peluang keemasan seperti ini amat dihargai olehnya memandangkan dia seorang yang gemar melakukan aktiviti jogging.



NORAFIDAH



NAZLINDA NAZRI



SITI SAPIAH

"Alhamdulillah, saya cukup bersyukur biarpun masih perlu mengamalkan SOP tetapi itu bukanlah masalah besar. Sebagai contoh, selama ini pun saya tetap membawa cecair pembasmi kuman bersama," katanya.

Bagi **Siti Sapiah Zakariah**, 33, pulia, kelonggaran yang diberi membolehkan dia melakukan aktiviti berbasikal yang amat diminatinya.

"Sejak PKP tempoh hari saya hanya berpeluang mengayuh basikal di dalam rumah sahaja, dengan menggunakan basikal simulator selama dua hingga tiga jam sehari untuk melepaskan 'gian' berbasikal," ujarnya.

Bagi anda yang ingin beriadah di taman-taman awam sekitar Putrajaya, taman dibuka setiap hari bermula pukul 7 pagi hingga 7 petang. **WK**



Cabar Merdeka Putrajaya, berlari sambil menyumbang

MAHUKAN cabaran sempena Merdeka ini dan menang hadiah berjumlah lebih RM5,000? Apakah jom cabar diri serta 500 kilometer (km) Virtual Run.

Program anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Starun Malaysia ini terbuka kepada individu dan berkumpulan sehingga maksimum lima orang atau kumpulan.

Dengan jarak 500 km (boleh di-

gabungkan), lokasi rekod pula di mana-mana sahaja dengan menggunakan aplikasi larian. Mudah bukan?

Menurut jurucakap PPj, peserta secara individu atau berkumpulan berpeluang mendapatkan medal, baju, bag eksklusif serta hadiah-hadiah menarik.

"Pendaftaran bermula 20 Ogos hingga 5 September yang mana tarikh larian pula jatuh pada Hari

Kemerdekaan 31 Ogos sehingga 5 Oktober.

"Peserta digalakkan untuk mendaftar lebih awal bagi mendapatkan pakej 'early bird' yang menarik dan ia hanya terhad kepada 300 penyertaan terawal.

"PPj juga akan menghadiahkan kalender edisi khas Putrajaya 2022 kepada peserta yang terpanas mendaftar," ujarnya yang turut

mengingatkan peserta bahawa tarikh penghantaran kit adalah pada 11 Oktober hingga 22 Oktober.

Menariknya, sambil berlari secara maya, peserta juga boleh menderma yang mana setiap RM1 akan didermakan kepada petugas barisan hadapan terpilih.

"Sambil berlari, peserta juga dapat melakukan kebajikan dengan menghargai sumbangan dan

jasa petugas barisan hadapan yang sentiasa berkorban masa dan tenaga sepanjang pandemik COVID-19 ini," ujar beliau.

Selain hadiah berjumlah lebih RM5,000 bagi cabutan bertuah, hadiah utama yang menanti berupa portable treadmill bernilai RM2999. Apa tunggu lagi, adakah anda yang bertuah itu? Sertai sekarang di ezy.la/PVR **WK**

Daftar sekarang untuk dapatkan Pakej Super Early Bird! Terhad 300 orang Terawal!

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:
En. Lukman : 018-3199379 / En. Faizul : 012-6328064 / En. Bazly : 016-6218463

Kemelut pandemik COVID-19

Jangan mudah menyerah kalah - KSN

SEMANGAT bersatu padu dan bersatu hati perlu terus tersemat erat dalam diri rakyat negara ini agar tidak mudah menyerah kalah demi membaskan negara daripada kemelut pandemik COVID-19, demikian menurut Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Melancarkan program Semarak Perpaduan Bulan Kebangsaan 2021 anjuran Kementerian Perpaduan Negara secara maya pada Isnin, beliau berkata pandemik yang telah melanda Malaysia sejak dua tahun itu telah meletakkan negara pada situasi kritis sekali gus merencangkan kehidupan normal rakyat.

"Kita perlu memastikan kemerdekaan negara daripada kemelut pandemik COVID-19. Kita mesti menang dalam peperangan ini dan tidak boleh mengalah," katanya.

Menekankan keperluan menyemat elemen perpaduan rakyat yang merupakan tunjang kepada kestabilan sesebuah negara, Mohd Zuki berkata: Bak kata pep-

tah 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh."

Beliau berkata tema sambutan Hari Kebangsaan 2021 iaitu 'Malaysia Prihatin', dikekalkan kerana ia bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menyemai rasa cinta setiap lapisan masyarakat terhadap negara selain menyemarakkan semangat kebersamaan khususnya memerangi pandemik COVID-19.

Beliau turut mengingatkan rakyat negara ini agar tidak mencemari kepayaan perjuangan kemerdekaan negara dengan berpecah belah sebaliknya meraikan kepelbagaiannya perbezaan dengan bersama-sama berganding bahu membina negara maju, makmur dan sejahtera.

"Jangan berpecah belah kerana bisikan jahat yang cemburukan keharmonian negara tercinta ini.



MOHD ZUKI

Sama-sama kita perkukuh dan teguhkan persamaan sebagai rakyat. Kemerdekaan yang kita kecapai hari ini adalah berpaksikan kemauatan dan tolak ansur dalam meraikan kepelbagaiannya yang ada di negara kita," katanya.

Menurut Mohd Zuki, elemen negatif perlu dikikis bagi mengekalkan semangat taat setia kepada negara dan patriotisme tanpa mengira kaum, agama dan bangsa yang merupakan faktor pembakar semangat kepada generasi muda untuk terus berjuang memelihara kemerdekaan negara.

Mengenai sambutan Hari Kebangsaan ke-64, beliau berkata sambutan tahun ini akan diadakan secara sederhana dalam norma baharu berpandukan prosedur operasi standard yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara memandangkan negara masih berada dalam Pelan Pemulihan Negara.

Katanya, pelbagai program berteraskan patriotisme dan semangat perpaduan telah dirancang Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang merupakan Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021.

Beliau berkata kesemua program berkenaan bertujuan menyemarak semangat kemerdekaan serta menghargai sumbangan rakyat khususnya petugas barisan hadapan dalam memerangi pandemik COVID-19.

"Saya dimaklumkan terdapat 93 program telah disusun untuk dilaksanakan di seluruh negara di bawah tema Semarak Perpaduan Bulan Kebangsaan 2021," kata Mohd Zuki.

Bagi menjayakan kesemua program tersebut, beliau menggalakkan penyertaan pelbagai pihak termasuk komuniti perpaduan kawasan rukun tetangga, guru-guru dan jawatankuasa penyelaras tabika perpaduan, sek-

retariat rukun negara dan badan bukan kerajaan (NGO) perpaduan atau 'Friends of Unity'.

"Saya berharap jawatankuasa kerja di setiap peringkat dapat memainkan peranan dengan cemerlang bagi memastikan kesemua program berjaya menarik penyertaan yang maksimum khususnya dari komuniti setempat sekali gus memberikan impak kepada masyarakat di peringkat akar umbi," katanya.

Memberi contoh elemen perpaduan yang ditonjolkan menerusi Sukan Olimpik Tokyo baru-baru ini, beliau memuji semangat dan kejayaan atlet negara selain mengagumi penyataan rakyat dalam memberi sokongan kepada atlet untuk mengharumkan nama negara menerusi sukan.

"Inilah yang dikatakan sukan menyatakan kita dalam semangat perpaduan. Sekiranya semangat ini diterapkan dalam setiap aspek kehidupan, nescaya apa pun yang kita tempuh sama ada senang atau susah, tetapi berjaya ditempuh bersama," katanya. - BERNAMA

Karnival Family Power Yakult tawar ganjaran lebih RM15,000

SYAHIDI BAKAR

BAGI menghargai sambutan luar biasa pelanggan terhadap produk minuman probiotik, Yakult kini tampil dengan program interaktif, Karnival Family Power yang boleh disertai seisi keluarga sambil berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik.

Penganjuran julung kali karnival bersempena Hari Terbuka Kilang Yakult secara maya itu, memberi peluang kepada penggemar Yakult berinteraksi dengan syarikat itu secara santai dan selepas dari kediaman mereka.

Menjelas lanjut mengenainya, Pengarah Urusan Yakult Malaysia, Hiroshi Hamada berkata, acara diadakan 24 September 2021 itu, adalah sebuah



HAMADA



PELBAGAI kempen kesedaran dan galakkan mengambil minuman probiotik Yakult yang terbukti berkesan untuk menjaga kesihatan usus perut. - Gambar hiasan

rancangan permainan maya dipancarkan secara langsung mulai 8.30 malam hingga 9.30 malam di laman Facebook ERA (@era.je) selain laman Facebook Yakult Malaysia (@yakultmalaysia).

Beliau berkata, inisiatif tersebut diambil sebagai salah satu usaha promosi di samping menghargai sambutan pelanggan Yakult terhadap minuman probiotik yang bermanfaat untuk usus perut.

"Rakyat Malaysia dia lu-alukan serta rancangan permainan maya yang sesuai ini seisi keluarga dengan hanya tiga langkah mudah. Pertama, beli produk Yakult minimum 20 botol dalam satu resit sepanjang kempeni (14 Ogos - 12 September)

secara tunai atau apa saja platform e-dagang.

"Pelanggan seterusnya perlu ambil gambar resit bukti pembelian (info produk, harga dan tarikh) kemudian muat naik gambar resit di laman yang diakses melalui <https://www.yakult.com.my>.

Peserta perlu beri nama, nombor pengenalan dan telefon serta alamat kediaman atau e-mel.

"Selain itu, peserta disarankan sebab ingin menyerai rancangan ini. Paling menarik, hadiah ditawar lumayan, juara bakal bawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000 manakala naib juara hadiah tunai sebanyak RM5,000," kata Hamada.

Melalui pendekatan ini, Yakult berharap mampu terus mendidik

dan mendorong pengguna untuk sentiasa mengamalkan pengambilan Yakult secara berterusan bagi kuatkan fungsi usus.

Menurut Hamada, sudah lebih setahun berdepan dengan pandemik memerlukan ibu bapa kerap bekerja dari rumah dan mungkin menjadi sibuk menguruskan pelbagai perkata.

Justeru katanya, rancangan permainan maya ini bertemakan kekeluargaan diharap ibu bapa akan membelanjakan lebih banyak masa yang berkualiti dan berhibur bersama dengan orang tersayang.

Selain itu, seramai 50 penonton bertuah bakal memenangi hadiah tambah nilai e-wallet Touch N Go bernilai RM50 dengan hanya menonton dan jawab soalan kuiz semasa Facebook Live pada 24 September 2021.

The graphic features the event title 'KARNIVAL FAMILY POWER' in large, colorful letters. It includes a Facebook LIVE logo, a date '24 Sep 2021', and a time '8:30pm - 9:30pm'. It highlights a grand prize of RM15,000 and secondary prizes of RM10,000 and RM5,000. It shows two hosts, Nabila Huda and Haniff, and provides instructions for participation: 'Beli produk Yakult Malaysia sekurang-kurangnya 20 botol dalam satu resit.', 'Ambil gambar resit pembelian, limbah kod QR di sebelah dan hantar penyertaan anda.', and 'Tonton dan ikuti segmen kuiz dalam rancangan Karnival Family Power di halaman Facebook ERA Malaysia (@era.je) atau Yakult Malaysia (@yakultmalaysia).'. It also includes a QR code and social media links for Yakult and ERA.

Terdapat segmen lawatan Kilang Yakult secara maya, membolehkan penonton melihat sendiri

proses pembuatan minuman probiotik Yakult semasa rancangan berlangsung. WK

Atlet dahagakan *team bonding* untuk sokongan

Umar cabar diri ke PGA

AINI MAWAWI

DALAM mencipta kejayaan, bukan hanya perlu memberi perhatian terhadap isu teknikal semata-mata tetapi ia juga perlu disuntik dengan jalinan erat antara pemain melalui ‘team bonding’.

Dengan adanya masa berkualiti bersama, maka hubungan antara tim akan lebih mesra sekali gus mampu mewujudkan keserasian yang membawa kepada semangat utuh dalam sebuah pasukan.

Mengakui hal tersebut, atlet golf Wilayah Persekutuan, **Umar Khushairi Muhamad Kamal**, 21, berkata, bertitik-tolak daripada semangat berpasukan, maka akanlah suasana kasih sayang yang akhirnya mencipta kejayaan.

“Sebagai contoh, hubungan erat antara saya dan tim ketika SUKMA 2018 lalu berjaya membawa kejayaan yang mana pasukan kami membawa pulang pingat perak biaarpun pada mulanya peluang untuk berjaya agak tipis.

“Ketika itu, kami semua

tertekan, jadi jalan akhir yang ada untuk menghilangkan kekusutan adalah dengan berkumpul pada malam final tersebut. Waktu itu, kami luahkan apa semua yang terbukti di hati. Beri sokongan antara satu sama lain sehingga pada akhirnya kami sendiri tidak percaya mampu berjaya,” ceritanya.

Katanya, masa yang sering diluangkan bersama tim benar-benar membantu disaat semangat semakin pudar akibat tekanan mental dan fizikal lebih-lebih lagi ketika berlangsungnya kejohanan.

“Pada pendapat saya, sepatutnya pihak pengurusan perlu memandang lebih serius untuk merancang pelbagai siri *team bonding* kerana faktor psikologi amat penting untuk pemain lebih fokus,” ujarnya.

Berkongsi buah fikirannya, Umar memberitahu, atlet golf Wilayah Persekutuan juga memerlukan jurulatih kecergasan khas bagi memantau stamina mereka memandangkan sukan



UMAR (dua kiri) ketika menjuarai Faldo Series Malaysia di Johor Bharu.

tersebut perlu memastikan atlet meningkatkan fleksibiliti.

“Bukan sahaja perlu memberi perhatian dalam bab pukulan tetapi atlet golf sendiri perlu kekal cergas kerana sepanjang bermain mereka juga melakukan pergerakan lain antaranya memusingkan badan,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bercerita lanjut tentang sukan golf, anak bongsu daripada enam



AKSI Umar ketika Kejohanan Terbuka Amatur Kuala Lumpur pada 2019.

Kejayaan Umar Khushairi

2019 - Fructose Junior Championship, Royal Perak Golf and Country Club (**Juara**)

2019 - Kuala Lumpur Amature Open (**Tempat Kedua**)

2019 - Pahang Amature Open (**Tempat Kedua**)

2019 - Perak Amature Open (**Tempat Ketiga**)

2018 - Sukma Perak 2018 - Pingat Perak (**Berkumpulan**)

2017 - Faldo Series Malaysia, Johor Bahru - **Juara**

Instagram : @umarkhushairi

VFC21 medan perhitungan atas talian supaya rakyat kekal cergas

BAGI memastikan rakyat Malaysia kekal cergas ketika berada di Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN), Pusat Kokorikulum Putrajaya bergerak pantas dengan menganjurkan *Virtual Fitness Challenge 2021* (VFC21) kepada seluruh rakyat Malaysia yang berumur 19 tahun ke atas.

Menariknya program di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWP) ini melibatkan larian secara maya yang mana peserta perlu menghantar bukti larian terkumpul bagi mendapatkan sijil digital.

Menurut Pengurus Program VFC21, **Mohd Naim Bahari**, larian secara maya tersebut melibatkan kawasan kediaman dalam lingkungan tidak melebihi 10 kilometer (km) yang mana jarak terkumpul adalah sebanyak tiga kali larian.

“Empat perkara yang perlu dititikberatkan dalam VFC21 adalah peserta perlu kekal di rumah, kekal sihat dan cergas, libatkan diri dalam larian maya serta mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN),” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, pertandingan terbahagi kepada dua kategori mengikut kumpulan jantina iaitu senior bawah 39 tahun dan veteran atas 40 tahun.

“Untuk senior lelaki bawah 39 tahun melibatkan jarak sejauh 6 km dan veteran atas 40 tahun pula 5 km sementara wanita senior pula sejauh 4 km dan veteran 3 km.

“Dengan menyertai VFC21, anda berpeluang mendapatkan baju t, pingat dan sijil digital sementara hadiah cabutan bertuah pula menanti individu yang pembuat pembelian. Tarikh cabutan adalah pada 16 Oktober 2021, pukul 11 pagi melalui siaran langsung *Facebook VFC21*,” kata beliau lagi.

Bagi yang ingin menyertai, anda boleh mendaftar secara percuma di <https://sites.google.com/view/vfc2021/home> atau layari <https://www.facebook.com/virtualfitnesschallenge/> untuk maklumat lanjut. **WK**



TAWARAN

BIASISWA PENUH

DIPLOMA JURUKUR BAHAN

(QUANTITY SURVEYOR)

DI UNIVERSITI MAHSA

Rakan Strategik Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Universiti MAHSA mempelawa atlet Wilayah Persekutuan yang berkelayakan untuk memohon biasiswa penuh dalam Diploma Jurukur Bahan

Syarat minima kelayakan SPM:

- Kredit dalam Matematik dan;
- Kredit dalam dua subjek lain

Borang permohonan:

<https://bit.ly/BorangPermohonanBiasiswa>

Tarikh tutup permohonan:

29 Ogos 2021

Sebarang pertanyaan sila hubungi:
Encik Yasseruddin Hamidin: 017-368 9790



Manfaatkan kepakaran intelektual Malaysia

MPN ikrar sokong Ismail Sabri

NAZWIN NAZRI

MAJLIS Profesor Negara (MPN) menyeru, kerajaan memanfaatkan kepakaran, daya intelek dan pengetahuan serta penyelidikan dari institusi pengajian tinggi dalam mengurus kementerian mahupun agensi di bawahnya.

Menerusi kenyataan bersama Presiden MPN, **Prof Datuk Dr Raduan Che Rose** dan Pengerusinya, **Prof Ulung Shamsul Amri Baharuddin**, kerajaan baharu yang ditubuhkan pada 20 Ogos lalu sewajarnya menjadikan pengetahuan dan penyelidikan sebagai asas pentadbiran, pengubalan dasar-dasar serta program-program strategik negara.

"MPN percaya Malaysia kini sudah pun mempunyai jumlah tenaga pakar yang mencukupi dan berwibawa dalam pelbagai bidang bagi membantu kerajaan mahupun negara dalam mengurus hala tuju serta agenda pembangunan negara."

"Dalam konteks ini, MPN berikrar untuk memberikan segala bentuk



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob mengangkat sumpah selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan pada 20 Ogos lalu.



RADUAN

sokongan dan kerjasama kepada pihak kerajaan pimpinan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam usaha menangani masalah semasa di samping untuk terus meningkatkan pencapaian dalam pembangunan, kestabilan dan kemakmuran seluruh rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sehubungan itu, MPN juga menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama mempelajari apa yang tersurat dan tersirat daripada pengalaman menghadapi kekusutan politik serta krisis kepimpinan negara yang baru berlalu.

Ini kerana, MPN berpandangan,

pengalaman tersebut dapat membantu masyarakat pada masa hadapan, supaya tidak lagi menjadi mangsa kerakusan kuasa yang telah menjadi budaya politik dalam kalangan golongan tertentu.

Dalam pada itu, MPN menyatakan, pihaknya dengan penuh takzim, merafak sembah menjunjung kasih atas kearifan dan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kerana berjaya menyelesaikan kekusutan politik yang berlaku bertunjang garis panduan dan prinsip demokrasi Perlembagaan Persekutuan. **WK**



ZAIZALNIZAM (kiri) menyerahkan beg mayat kepada Rohana di HKL baru-baru ini.

PUSARA sedia terima bantuan kendali waris COVID-19

PUSAT Urus Jenazah Sementara (PUSARA) mengalau-alukan bantuan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang boleh menyediakan khidmat nasihat psikososial untuk waris yang kematian keluarga akibat COVID-19.

Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL), **Dr Rohana Johan** berkata, kemudahan itu boleh disediakan bagi memberi sokongan dan khidmat nasihat untuk waris yang sedang menunggu giliran ketika urusan tuntutan jenazah dibuat di PUSARA.

"Ketika urusan tuntutan di buat, ia mengambil masa dan dalam tempoh tersebut, waris boleh mendapatkan nasihat bagi meredakan tekanan dan kesedihan yang dihadapi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Beg Mayat untuk PUSARA di HKL yang disampaikan Pengarah Eksekutif RumahPrihatin@GrandSeasons, Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah. Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif YAYasan Wilayah Persekutuan YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun**.

Menurut Rohana, selain daripada khidmat tersebut, pihaknya turut mengalau-alukan bantuan dan sumbangan tenaga supaya operasi pengelolaan jenazah di PUSARA dapat dipercepatkan.

Sementara itu, Zaizalnizam berkata, sumbangan beg mayat yang disalurkan adalah untuk membantu keperluan khas dan kegunaan PUSARA.

"Kita dapat makluman bahawa ada ketika beg mayat yang digunakan koyak kerana proses mengalihkan jenazah dilakukan berulang kali dari Jabatan Forensik HKL hingga ke PUSARA sebelum diserahkan kepada keluarga," katanya sambil mengalau-alukan kehadiran petugas kesihatan untuk menginap di BilikPrihatin@ GrandSeasons dengan kadar yang berpatutan. **WK**



Semarakkan sambutan kemerdekaan dengan pelbagai cara, hanya dari rumah- Riena Diana

DEEL ANJER

PELAKON dan penyampai radio Hot FM, Riena Diana menganggap pandemik COVID-19 bukanlah alasan untuk rakyat tidak meraikan Hari Kebangsaan ke-64 pada 31 Ogos ini.

Bagi Riena atau nama sebenarnya **Nur Qamariena Diana Zulreal**, 24, rakyat Malaysia boleh menyambut hari keramat itu hanya dari rumah.

"Bagi saya, ulang tahun Hari Kemerdekaan seharusnya disambut kerana tanpa pengorbanan tokoh-tokoh terdahulu yang bergadai nyawa untuk memerdekaan tanah air, sudah tentu kita tidak boleh hidup aman damai seperti hari ini.

"Walaupun kita semua masih bergelut dengan penularan wabak COVID-19, itu bukan alasan untuk tidak menyambutnya.

"Kita boleh semarakkan semangat merdeka dengan pelbagai cara asalkan masih mematuhi SOP (prosedur operasi standard).

"Jadi, kita boleh semarakkan semangat Hari

Kebangsaan dari rumah. Duduk rumah bersama keluarga dan menonton sambutannya secara maya, yang disiarkan di semua stesen televisyen tempatan dan media sosial seperti Facebook atau Instagram secara langsung," katanya yang juga berharap orang ramai terus mengibarkan Jalur Gemilang.

Riena Diana berkata, kemeriahan Bulan Kebangsaan akan lebih terasa dengan kibaran Jalur Gemilang terutama di kawasan-kawasan perumahan, kenderaan dan tiang-tiang lampu lebuhraya.

Turut menzahirkan rasa bangga apabila melihat orang ramai mengibarkan Jalur Gemilang, dia berkata, tindakan itu membuktikan semangat patriotik dan rasa cinta rakyat kepada negara tidak pernah luntur.

"Bukan itu sahaja, kemeriahan Hari Kebangsaan juga makin terasa apabila ramai anak muda menzahirkan semangat patriotik melalui media sosial.

"Ada yang memuatnaik status berkaitan

Hari Kebangsaan dan tidak kurang juga yang menyanyikan semula lagu-lagu bertemakan Hari Kemerdekaan.

"Selain itu, pertandingan atau kuiz berkaitan kemerdekaan juga menarik minat anak muda menyelami lagi apa maksud erti kemerdekaan yang sebenar," ujar Riena yang turut mengagumi sesetengah kelompok atau komuniti yang menganjurkan doa selamat secara maya.

Menurutnya, acara yang paling istimewa dan memberi kesan mendalam adalah banyak pihak menyambut hari keramat itu dengan bacaan doa selamat secara virtual.

Tambahnya, walaupun tidak dapat bertemu, namun setiap generasi masih boleh sama-sama mendoakan kesejahteraan negara tercinta.

"Di sini kita dapat lihat, cara sambutan berbeza-beza dengan cara tersendiri, tetapi semuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu meraikan hari keramat dan bersejarah negara kita," tambah pelakon drama bersiri *Kampung People* ini lagi. **WK**